

**Jilid I
Bil. 83**



**Hari Selasa
12hb November, 1991**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13581]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 13624]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992 [Ruangan 13624]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMD BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 12hb November, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PUSAT LATIHAN POLIS AIR
HITAM (PULAPAH)—KEMAJUAN

1. Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh
minta Menteri Dalam Negeri menya-
takan:

- (a) apakah masa hadapan Pusat Latihan Polis Air Hitam (PULAPAH), Jempol, Negeri Sembilan sebagai sebuah Pusat Latihan Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- (b) adakah Kementerian sedar bahawa bangunan-bangunan di PULAPAH tidak disenggara dengan betul dan sungguhpun sudah ditubuhkan hampir 10 tahun, PULAPAH masih lagi belum mempunyai bekalan air dan elektrik yang sempurna (iaitu menggunakan generator untuk elektrik dan mengepam air sungai untuk bekalan air); dan
- (c) jika sedar, apakah rancangan Kementerian untuk memperbaiki keadaan di PULAPAH.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):**
Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab
soalan bahagian:

- (a) Pusat Latihan Polis Air Hitam atau ringkasnya PULAPAH, mula berfungsi pada 1hb Januari, 1981 di atas suatu kawasan yang telah diambilalih oleh PDRM daripada Syarikat Gula Negeri Sembilan Sdn. Bhd. Semenjak pengambilan-alih itu dibuat, kerja-kerja pengubahsuaian telah dijalankan terhadap bangunan-bangunan supaya ianya menepati sebagai sebuah Pusat Latihan Polis. Kerja-kerja pengubahsuaian pada peringkat awal pengambalian ini melibatkan jumlah perbelanjaan hampir \$15 juta. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak \$20 juta untuk memperbaiki dan memperbesarkan lagi Pusat Latihan ini. Dengan siapnya rancangan pembesaran ini, Pusat Latihan ini dijangka berkemampuan menjadi suatu institusi latihan kepolisan yang dapat menampung kira-kira 3,600 Konstabel Pelatih pada satu-satu masa tertentu dan kira-kira 1,500 orang tenaga pengajar apabila berfungsi sepenuhnya.
- (b) Mengenai soalan (b) dan (c), pada masa ini Pusat Latihan ini mendapat bekalan air paip dari sumber Jabatan bekalan Air

Negeri dan masalah bekalannya tidaklah timbul. Mengenai bekalan elektrik pula, tiga buah generator digunakan untuk membekalkan elektrik selama 24 jam secara berterusan. Selaras dengan projek pembesaran Pusat ini, tindakan telahpun diambil untuk meningkatkan lagi kemudahan bekalan air paip dan mengadakan sumber bekalan elektrik dari Tenaga Nasional Berhad bagi menggantikan generator di seluruh Pusat Latihan ini.

PERKHIDMATAN FERI DI PULAU PINANG

2. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah sebab-sebab yang telah mengakibatkan pihak yang berkenaan memutuskan pembatalan penggunaan feri dan pengkalan lama di Pulau Pinang dan Butterworth.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng pada 22hb Oktober yang lalu dan juga soalan Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai pada 26hb November, 1991 atas izin Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya tidak ada apa-apa maklumat hendak ditambah.

IKLAN RADIO DAN TELEVISYEN—KUTIPAN HASIL

3. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bilangan set penerima televisyen dalam negara;
- (b) hasil yang diperolehi oleh Radio dan Televisyen Malaysia dalam tahun 1985 hingga 1990 daripada sumber-sumber:

- (i) lesen radio dan televisyen;
- (ii) bayaran iklan oleh pengiklan dan tajaan rancangan; dan
- (iii) hasil diperolehi oleh RTM dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) daripada tajaan program ataupun iklan-iklan (bukan iklan rokok) yang ditempah oleh syarikat-syarikat berasaskan rokok dalam tahun-tahun 1985 hingga 1990.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kemajuan negara dan kemakmuran rakyat, jumlah set televisyen dalam negara ini telah meningkat dengan pesatnya kepada anggaran 3.7 juta unit pada tahun yang lalu.

Bagi hasil yang diperolehi dari lesen-lesen Radio dan Televisyen adalah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin tidak membacakan kesemuanya, hanya ringkasan sahaja, iaitu:

| Tahun | Hasil (Radio) | Hasil (TV) |
|-------|---------------|---------------|
| 1985 | \$3.05 juta | \$37.639 juta |
| 1988 | \$4.88 juta | — |
| 1990 | — | \$42.56 juta |

(Dikecualikan dari kutipan cukai)

Bagi hasil yang diperolehi daripada bayaran iklan dan tajaan adalah seperti berikut:

| Tahun | Hasil (TV) |
|-------|------------|
| 1985 | \$82 juta |
| 1986 | \$66 juta |
| 1987 | \$66 juta |
| 1988 | \$105 juta |
| 1989 | \$142 juta |
| 1990 | \$182 juta |

Pendapatan dari iklan jenama rokok pada tahun 1986 sebanyak \$43 juta telah meningkat kepada \$66 juta pada tahun 1990.

Bagi hasil yang diperolehi oleh TV3 daripada jenama rokok sebenarnya adalah seperti berikut:

| Tahun | Hasil (TV3) |
|-------|-------------|
| 1985 | \$6.5 juta |
| 1989 | \$32.5 juta |
| 1990 | \$28.7 juta |

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa bayaran pengiklanan semakin bertambah sejak tahun 1989 dan begitu juga bayaran yang diberi hasil daripada tajaan iklan rokok. Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan berniat untuk mengecualikan terus pembayaran lesen televisyen sepertimana yang dilakukan ke atas radio di seluruh negara?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berniat, kalau boleh, untuk meniadakan sebarang bayaran. Tetapi oleh kerana pada masa ini kos pengendalian penyiaran RTM adalah jauh lebih tinggi daripada pendapatan kalau diperhitungkan dengan semua pendapatan kita, maka pada masa ini belum lagi sampai masanya untuk kita mengecualikan bayaran lesen televisyen. Tetapi insya Allah, kalau sekiranya kita termampu nanti, boleh kita lakukan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah kutipan hasil daripada pengiklanan, apakah pihak Kementerian Penerangan yakin bahawa perolehan ini mampu membiayai RTM apabila diperbadankan, dan kalau tidak, bagaimanakah sumber-sumber yang boleh menampung RTM apabila diperbadankan/diswastakan, jika hasil yang diperolehi sekarang tidak mencukupi?

Soalan yang kedua, dari segi kutipan bayaran pengiklanan ini, apakah benar bahawa ianya diuruskan oleh One-Stop-Agency iaitu melalui suatu badan yang diberi hak untuk memungut kutipan iklan apabila ianya disiarkan oleh televisyen?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kajian sedang dijalankan untuk memperbadankan RTM dan kemungkinan juga kajian lanjutan sama ada boleh diswastakan RTM. Dalam erti pengimbangan antara perbelanjaan dengan pendapatan adalah dijangkakan kalau sekiranya RTM itu berjalan secara komersial dan meningkatkan produktiviti serta efisiensinya di bawah satu pentadbiran mungkin swasta ianya akan dapat mengurangkan banyak kos dan punca pendapatannya boleh diperluaskan basenya. Dan Kementerian Penerangan masih yakin bahawa sekiranya ia dilakukan, kalau kita berdasarkan kepada perangkaan hasil yang dikutip melalui iklan ia meningkat dengan begitu tingginya daripada tahun 1985 hingga 1990 kita masih yakin bahawasanya kita dapat imbangkan perbelanjaan dan pendapatan sekiranya ianya berjalan dengan efisien dan produktif.

Berkenaan dengan soalan kedua, buat masa ini memang benar satu agen pengiklanan dilantik untuk mengendalikan segala kutipan iklan bagi pihak RTM dan perlantikan bagi agen ini adalah dilakukan melalui proses biasa tawaran ataupun normal tender procedure.

PESTA MALAYSIA 1991

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyata-

- (a) berapakah perbelanjaan yang ditanggung untuk menganjurkan Pesta Malaysia 1991; dan

- (b) sejauh manakah pesta yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini selaras dengan usaha Kerajaan menerapkan nilai-nilai dalam melahirkan masyarakat berbudaya dan berilmu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perbelanjaan bagi menganjurkan Pesta Malaysia 1991 ialah sebanyak \$2.8 juta.
- (b) Pesta Malaysia memberi sumbangan melalui ekonomi dan sosial dengan cara membantu meningkatkan kadar penginapan hotel dan pendapatan dalam industri pelancongan tempatan ketika kedatangan pelancong asing dan kadar penginapan hotel dalam bulan September yang lazimnya rendah. Sehubungan dengan ini, Pesta Malaysia menjadi salah satu daya tarikan untuk menggalakkan pertumbuhan pelancong-pelancong asing dan tempatan di negara ini. Kita semua ketahui bahawa perkembangan industri pelancongan ini sudah tentu mewujudkan peluang pekerjaan di kalangan penduduk tempatan.

Pesta Malaysia turut berperanan melahirkan masyarakat yang berbudaya dan berilmu dengan mengadakan acara-acara kesenian sama ada yang bersifat tradisional atau sezaman.

Pada pandangan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, usaha untuk mewujudkan peluang pekerjaan secara berpendapatan halal adalah selaras dengan kehendak Islam dan begitu juga halnya dengan usaha untuk melahirkan masyarakat yang berbudaya dan berilmu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Pesta Mengata yang dianjurkan oleh parti-parti Pembangkang boleh menarik pelancong-pelancong datang ke negara ini dan adakah kita dapat perangkaan yang tertentu? Berapakah yang dikutip dalam Pesta Mengata yang dianjurkan oleh pihak Pembangkang?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payah jawablah. *(Ketawa)*

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

5. **Tuan Abdul Malek Munip** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada Dasar Kebudayaan Kebangsaan masih lagi diperakukan dan dilaksanakan. Jika ya, adakah Kementerian bercadang untuk mempesatkan pertumbuhan keperibadian kebangsaan Malaysia selaras dengan cita-cita yang terungkap dalam dasar kebudayaan kebangsaan itu.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan terus diperakukan dan menjadi asas tindakan Kementerian ini. Seperti masa-masa dahulu Kementerian ini dan Kementerian-kementerian lain juga yang berkaitan akan meneruskan usaha-usaha mempesatkan pencapaian matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu melalui program-program tertentu.

Dari segi perpaduan negara misalnya, Kementerian ini dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat akan meneruskan program-program sosial budaya ke arah menyedarkan rakyat, dan perpaduan dan nilai-nilai murni yang harus dihayati bersama. Bagi mewujudkan keperibadian kebangsaan

pula, usaha-usaha terus dibuat untuk menggalakkan penyertaan kaum bukan Melayu mengenali dan menghayati kesenian rakyat asal rantau ini.

Sementara itu, usaha-usaha mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kerohanian rakyat dilaksanakan bukan sahaja oleh Kementerian ini malah beberapa agensi lain yang akan mempesatkan nilai-nilai murni seperti yang ditekankan oleh Kerajaan melalui Penerapan Nilai-nilai Islam, Rukunegara, Dasar Pandang ke Timur dan Wawasan 2020 sendiri yang juga merupakan satu dasar yang memenuhi keutamaan kepada perseimbangan pembangunan fizikal dan rohani.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab soalan saya, sebab ia ada hubungan dengan budaya. Ke arah untuk kita melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, saya dimaklumkan bahawa kita ada Jawatankuasa Penyelaras yang diberi nama Jawatankuasa Penasihat Kebudayaan Kebangsaan dan Jawatankuasa ini cuma bermesyuarat setahun sekali ataupun setahun dua kali. Jadi, apakah Kementerian memikirkan bahawa Majlis Penasihat Perbadanan Kebangsaan ini perlu diadakan terus untuk tujuan menyelaras dan sama-sama merancang Dasar Kebudayaan Kebangsaan ataupun Kerajaan memikir tanpa Majlis ini pun Kerajaan boleh melaksanakan sendiri?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, tugas Majlis ini ialah untuk memberi nasihat kepada Kementerian. Jadi, memang bagi pandangan Kementerian bahawa Majlis ini haruslah diteruskan. Di samping itu, kemungkinan kita fikirkan Jawatankuasa-jawatankuasa lain perlu juga ditubuhkan dan dengan demikian, inginlah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu

Kementerian juga sedang menubuhkan Majlis Kebudayaan di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkembangan usaha zaman dan memandangkan bahawa matlamat Wawasan 2020 seumpamanya, apakah Kementerian bercadang untuk menganjurkan kembali Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang pertama kali diadakan pada tahun 1970, bagi tujuan untuk menilai perkembangan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini hampir 20 tahun yang lalu dari segi kelemahan-kelemahannya dan dari segi pencapaiannya dan merumuskan kembali satu konsep dan dasar yang boleh memantapkan ke arah cita-cita matlamat Wawasan 2020.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada ketika ini kita belum mengambil tindakan untuk mengadakan sebarang kongres tetapi di peringkat Kementerian, kita telahpun mengadakan perbincangan mengenai menilai semula. Dan sebab itulah dalam jawapan saya sebentar tadi, barangkali kita pada masa yang akan datang harus memberi tekanan kepada kaum-kaum lain supaya samasama menyertai di dalam arus pembentukan kebudayaan kita supaya matlamat dan program kita dapat dicapai dengan berkesan. Walau bagaimanapun, hasrat Yang Berhormat itu memanglah di dalam pertimbangan pada ketika ini.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI KAMPUNG-KAMPUNG

6. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah peruntukan yang akan diperuntukkan kepada kampung-kampung yang dahulu dikenali sebagai kampung baru bagi tempoh 1991-1995, mengikut pecahan negeri.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan pembangunan bagi kampung-kampung yang dahulunya dikenali sebagai kampung baru bagi tempoh tahun 1991 hingga 1995 iaitu Rancangan Malaysia Keenam di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sahaja adalah sebanyak \$21.6 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembangunan yang telah dan akan disalurkan mengikut pecahan negeri-negeri bagi tahun 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1991:

| <i>Negeri</i> | <i>Peruntukan</i> |
|-----------------|-------------------|
| Perlis | \$40,000 |
| Kedah | \$409,700 |
| Pulau Pinang | \$99,700 |
| Perak | \$1,953,600 |
| Selangor | \$635,000 |
| Negeri Sembilan | \$487,500 |
| Melaka | \$239,000 |
| Johor | \$1,384,000 |
| Pahang | \$478,000 |
| Terengganu | \$36,000 |
| Kelantan | \$66,000 |
| Jumlah | \$5,829,100 |

Bagi tahun 1992:

| <i>Negeri</i> | <i>Peruntukan</i> |
|---------------------|-------------------|
| Perlis | \$20,000 |
| Kedah | \$254,000 |
| Pulau Pinang | \$100,000 |
| Perak | \$2,268,800 |
| Wilayah Persekutuan | \$12,000 |
| Selangor | \$1,847,000 |
| Negeri Sembilan | \$395,600 |
| Melaka | \$430,000 |
| Johor | \$1,971,400 |
| Pahang | \$774,500 |
| Kelantan | \$425,400 |
| Jumlah | \$8,498,700 |

Bagi peruntukan mengikut pecahan negeri untuk tahun 1993 sehingga 1995, sukacita dimaklumkan secara

jumlah pecahan tersebut sedang di dalam peringkat perbincangan di antara pihak-pihak berkenaan. Walau bagaimanapun, pertimbangan ke atas projek-projek pembangunan tersebut akan berdasarkan kepada keperluan semasa dan setempat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan peruntukan yang dikeluarkan terutama sekali peruntukan keseluruhannya dan juga peruntukan untuk negeri-negeri seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat.

Yang kedua, adakah benar bahawa peruntukan ini adalah dibuat berdasarkan permintaan yang dibuat oleh pegawai-pegawai kampung-kampung baru yang semuanya lantikan parti MCA dan bukanlah berdasarkan keperluan kampung-kampung baru tetapi hanya untuk tujuan politik pemimpin MCA yang tertentu?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berbau politik. Walau bagaimanapun, saya tidak akan melibatkan diri dengan perbincangan politik kerana kita mempunyai kerja-kerja yang perlu untuk membangunkan semua masyarakat termasuk kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberikan dan disalurkan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga peruntukan-peruntukan lain yang diberikan melalui Kementerian-Kementerian seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerja Raya, Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Bahkan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sejumlah \$28.4 juta iaitu lebih besar daripada

jumlah \$21.6 juta diperuntukkan bagi Majlis-majlis Tempatan untuk membantu membangunkan kampung-kampung baru. Jadi, kalau dicampur jumlah \$28 juta dengan \$21 juta, \$50 juta adalah diperuntukkan untuk kampung-kampung baru tidak termasuk yang disalurkan melalui Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh sebab itu saya berpendapat peruntukan yang disalurkan adalah lebih daripada mencukupi untuk membantu dan menyelesaikan masalah kampung-kampung baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan pegawai-pegawai untuk kampung-kampung baru berdasarkan kepada kebolehan individu-individu. Di samping itu, peruntukan-peruntukan adalah dikaji dengan teliti kerana ianya bukan sahaja di bawah takluk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi juga di bawah takluk Kerajaan-kerajaan Tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 92% daripada kampung-kampung baru adalah termasuk di dalam kawasan-kawasan Majlis-majlis Kerajaan Tempatan. Oleh sebab itu setiap pembangunan yang dibuat berdasarkan kepada kajian yang mendalam oleh Majlis-majlis Tempatan. Jadi, tidak timbul masalah politik dalam hal ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah di kampung-kampung baru ini semua penduduknya penyokong-penyokong MCA dan langsung tidak ada DAP?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak jawab bolehlah tetapi soalan ini tidak bersangkutan dengan soalan asal. (*Ketawa*)

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, kampung-kampung baru ialah terdiri daripada kebanyakannya pengundi-pengundi yang kurang menyokong Barisan Nasional tetapi kita tetap adil dan kita tidak memilih seperti parti DAP yang kemungkinan kalau memerintah mungkin "potong" semua.

DASAR WANITA NEGARA

7. Puan Rohani bint Abd. Karim minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bagaimanakah perancangan dan pelaksanaan Dasar Wanita Negara di negeri Sarawak dan bagaimanakah perancangannya berkaitan dengan Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat serta Biro Wanita Sarawak telahpun mengadakan majlis taklimat dan dialog mengenai Dasar Wanita Negara untuk Ketua-ketua Jabatan, diikuti dengan ceramah dan bengkel untuk pertubuhan-pertubuhan wanita supaya semua pihak di negeri Sarawak memahami dengan jelas apakah matlamat dan prinsip Dasar tersebut.

Beberapa bengkel akan diadakan lagi untuk merancang secara terperinci pelan tindakan dan strategi pelaksanaan Dasar Wanita Negara bagi peringkat negeri Sarawak, berpandukan kepada pelan tindakan kebangsaan yang sedang disediakan di peringkat Kementerian. Segala program dan aktiviti yang akan dirancangkan bukan sahaja selaras dengan objektif Dasar Wanita Negara bahkan juga akan berteraskan matlamat Wawasan 2020.

Puan Rohani binti Abd. Karim:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian berhasrat untuk menaik-gredkan HAWA sebagai sebuah jabatan untuk memastikan pelaksanaan Dasar Wanita Negara secara lebih efektif dan kalau tidak, apakah alternatif lain?

Dato' Alexander Yu Lung Lee:
Tuan Yang di-Pertua, bahagian HAWA adalah satu agensi Kerajaan untuk mengkaji dasar-dasar wanita sahaja dan pelaksanaan dasar ini bergantung kepada pertubuhan-pertubuhan wanita dan agensi-agensi yang lain.

HOSPITAL DIBINA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEENAM

8. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa buah hospital akan didirikan bagi RM6 dan dimana serta jumlah kelengkapan-kelengkapan moden yang perlu dibeli.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam sebanyak 36 buah hospital akan dibina dan kedudukan hospital-hospital tersebut adalah seperti berikut:

| <i>Nama Hospital</i> | <i>Tempat</i> |
|--------------------------------|-----------------|
| Institut Jantung Negara, | Wilayah |
| Hospital Besar Kuala Lumpur | Persekutuan |
| Hospital Daerah Jitra | Kedah |
| Hospital Daerah Baling | " |
| Hospital Daerah Yan (Fasa 1) | " |
| Hospital Daerah Kulim | " |
| Hospital Daerah Langkawi | " |
| Hospital Daerah Kuala Nerang | " |
| Hospital Daerah Seberang Jaya | Pulau Pinang |
| Hospital Daerah Sungai Siput | Perak |
| Hospital Daerah Sri Manjung | " |
| Hospital Daerah Selama | " |
| Hospital Daerah Sabak Bernam | Selangor |
| Hospital Daerah Kuala Pilah | Negeri Sembilan |
| Hospital Daerah Port Dickson | " |
| Hospital Daerah Jasin (Fasa 1) | Melaka |
| Hospital Daerah Segamat | Johor |
| Hospital Daerah Batu Pahat | " |
| Hospital Daerah Kulai | " |

| | |
|-----------------------------------|----------------------------|
| Hospital Daerah Kuantan | Pahang |
| Hospital Daerah Raub | " |
| Hospital Daerah Cameron Highlands | " |
| Hospital Daerah Jengka | " |
| Hospital Daerah Muadzam Shah | " |
| Hospital Daerah Kuala Berang | Terengganu |
| Hospital Daerah Pasir Putih | Kelantan |
| Hospital Daerah Bau | Sarawak |
| Hospital Daerah Betong | " |
| Hospital Daerah Sibul | " |
| Hospital Daerah Miri | " |
| Hospital Daerah Daro | " |
| Hospital Daerah Simunjan | " |
| Hospital Daerah Kota Marudu | Sabah |
| Hospital Daerah Kota Kinabatangan | " |
| Hospital Daerah Tuaran (Fasa 1) | " |
| Hospital Daerah Spitang | " |
| Hospital Daerah Labuan | Wilayah Persekutuan Labuan |

Hospital-hospital daerah tersebut di atas akan dibekalkan dengan kelengkapan moden yang bersesuaian dengan taraf perkhidmatan yang telahpun ditetapkan untuk setiap hospital. Beberapa hospital daerah sedang dan akan dibina secara nucleus. Ada beberapa buah hospital daerah akan dibina secara conventional dan satu dua buah secara turnkey. Sepuluh daripada hospital-hospital tersebut akan dibina di bawah rancangan ADB.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut statistik yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi saya difahamkan bahawa di Sabah mempunyai empat atau lima buah hospital baru. Jika dibandingkan dengan Perak yang penduduknya lebih pesat dan lebih banyak, nampak angkanya adalah lebih kurang sama. Di sini satu kekeliruan bagi kami lebih-lebih lagi kita ketahui bahawa di Sabah itu adalah Pembangkang. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua dari segi kelengkapan-kelengkapan moden.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang pertama itu tiada soalan pun.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Soalan yang pertama. Kenapa perkara ini boleh berlaku?

Tuan Yang di-Pertua: Macam itu.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Yang kedua, dari segi kelengkapan-kelengkapan moden ini, dititikberatkan kepada hospital-hospital yang baru, kenapa tidak juga diberi perhatian terhadap hospital-hospital desa yang memerlukan kelengkapan-kelengkapan yang lebih moden dan yang malang sekali Hospital Desa di Changkat Melintang tidak ada generator alternatif jika sekiranya berlaku kegagalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa ya, yang mula-mula itu kenapa. (*Ketawa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, kalau dipandang sekali imbas, kita dapati bahawa memang Sabah mempunyai empat hospital baru dan Perak hanya tiga, tetapi kalau dipandang secara keseluruhannya kita dapati Perak sekarang mempunyai kemudahan kesihatan yang lebih baik daripada Sabah.

Oleh kerana itulah maka atas asas keadilan dan untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada semua, walaupun kadang-kadang termasuk negeri yang diperintah oleh Pembangkang, maka kita terpaksa membina hospital baru di beberapa tempat terutama di Sabah dan di Sarawak yang terdapat di kawasan-kawasan pedalaman.

Mengenai dengan kelengkapan moden, saya ingin menyatakan di sini, kita sedang mengkaji secara keseluruhannya untuk melengkapkan hospital-hospital dengan kelengkapan-kelengkapan baru. Saya ada banyak senarai di bawah ini dan saya tidak bertujuan untuk menurunkan satu

persatu. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telahpun menyediakan hampir \$1 bilion untuk membina hospital baru dan juga beberapa ratus juta ringgit untuk melengkapkan hospital-hospital ini dengan peralatan-peralatan dan kelengkapan moden.

Berkenaan dengan Hospital Changkat Melintang, itu terlalu spesifik. Bolehlah kita berbincang untuk menaikkan sedikit taraf hospital tersebut, kalau sekiranya keadaan mengizinkan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita amat gembira kerana dalam jawapan Timbalan Menteri sekejap tadi, banyak jumlah hospital-hospital yang akan dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Keenam sampai puluhan lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Di Kelantan pun ada. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya. Saya ingin tahu, adakah dalam jangka rancangan ini dapat disiapkan jumlah yang disenaraikan itu dan kalau sekiranya dijangka siap, berapakah jumlah yang sudah dalam pembinaan sekarang ini dan berapa baki lagi?

Yang kedua, dalam pembahagian hospital-hospital di negeri-negeri tadi, saya terdengar di telinga saya, Kelantan dapat satu sahaja. Adakah pembahagian kepada Kelantan ini dapat satu kerana rakyat Kelantan sihat-sihat belaka, tidak terlibat dalam penyakit? Tetapi di Kedah sampai lima, enam, tujuh buah. Adakah rakyat Negeri Kedah pula dalam keadaan sakit tenat? (*Ketawa*)

Yang ketiga, kalau tidak kerana sihat belaka, adakah ini masih merupakan diskriminasi yang diamalkan oleh Menteri Kesihatan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soal diskriminasi dalam memberi perkhidmatan kesihatan tidak timbul. Jadi, oleh kerana itu saya telah menjawab soalan itu bersesuaian dengan soalan yang ditimbulkan oleh pihak yang bertanya tadi berkenaan dengan Sabah.

Jadi, di Kelantan memang kita ada sebuah sahaja hospital baru yang akan dibina tetapi mesti dilihat bahawa kita akan memberi wang yang agak tinggi bilangannya untuk menaiktarafkan Hospital Besar Kota Bharu. Dan kita mesti ingat juga, Kelantan mempunyai satu Hospital Universiti iaitu USM yang agak besar dan mempunyai katil yang agak banyak.

Jadi, dari segi pilih kasih itu tidak timbul, kita tidak mempolitikkan soal kesihatan, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

PROGRAM BERKEMBAR ANJURAN INSTITUSI SWASTA

9. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah kursus kembar ("Twining Courses") dianjurkan di institusi-institusi swasta yang sangat popular dan diminati oleh orang awam; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Menteri untuk mengawal dan memerhati supaya kursus-kursus ini adalah benar, cara pengajaran bertaraf tinggi dikekalkan dan pelajar-pelajar tidak akan dieksploitasikan untuk tujuan komersial sahaja.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bidang pengajian yang paling popular dalam program berkembar adalah Perakaunan, Ekonomi, Pentadbiran Perniagaan dan Sains Komputer.
- (b) Kursus-kursus yang dikendalikan oleh institusi-institusi pendidikan swasta ini hanya boleh di kendalikan setelah dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan dan Pendaftar Sekolah-sekolah. Oleh itu sebelum kursus-kursus itu dibenarkan, Kementerian Pendidikan dan Pendaftar hendaklah berpuashati bahawa institusi berkenaan mempunyai kemudahan-kemudahan dan tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman bersesuaian dan mencukupi untuk mengendalikannya. Pendaftar Guru-guru pula mengeluarkan permit mengajar kepada guru-guru yang bertugas di institusi-institusi pendidikan swasta. Sebelum permit mengajar dikeluarkan, Pendaftar Guru-guru menyemak kelulusan dan pengalaman guru-guru tersebut untuk menentukan kesesuaian mereka mengajar kursus-kursus yang dikendalikan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, buat masa ini ada berapa kolej ataupun institusi swasta yang telah diperakui oleh Kerajaan kita dan sedang menjalankan kursus berkembar?

Soalan yang kedua, di antara universiti-universiti yang mengadakan kursus berkembar dengan kolej ataupun institusi swasta dalam negara kita,

adakah benar University of Sydney, Australia telah mempunyai cadangan untuk membuka satu cawangan universiti di Pulau Pinang?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bilangan kolej swasta yang diadakan di Malaysia, di tangan saya sekarang tidak ada, tetapi lebih kurang ada 20 buah institusi pengajian swasta yang kita telah benarkan untuk menjalankan kursus-kursus berkembar ini.

Tentang cadangan yang dikemukakan oleh University of Sydney untuk menjalankan kursus-kursus berkembar di negara kita ini, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji cadangan tersebut.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah Kementerian Pendidikan ada inspektor atau pegawai untuk membuat pemeriksaan di sekolah-sekolah swasta yang menjalankan kursus berkembar ini?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan bukan sahaja ada inspektor yang berkelayakan dan berpengalaman untuk menyiasat kolej-kolej swasta itu, bahkan kita dari masa ke semasa juga membentuk pasukan-pasukan yang khususnya bertugas untuk menyiasat dan membuat laporan berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di institusi-institusi swasta tersebut.

UPAH MEMBAJAK SAWAH/ MENUAI PADI DI KEDAH

10. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian sedar upahan membajak sawah dan menuai padi Kedah dimonopoli oleh bukan petani yang mengambil upahan kerja

berlebihan dan membeban kepada petani-petani. Kalau benar keadaan tersebut disadari apakah tindakan Kementerian dalam hal ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa jentera-jentera menuai dan trektor pembajak dimiliki oleh mereka yang bukan petani. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi mengurangkan penglibatan Kerajaan secara langsung untuk memberi perkhidmatan keperluan jentera kepada petani terutamanya di waktu menuai dan penyediaan tanah. Keadaan ini dapat mewujudkan persaingan yang sihat di dalam sektor kemudahan jentera pertanian supaya petani-petani mendapat faedah melalui kadar upah yang lebih rendah dan perkhidmatan yang lebih terjamin.

Walaupun jentera-jentera ini dimiliki oleh mereka yang bukan petani, kadar upah yang dikenakan kepada petani-petani tidaklah membebaskan. Umpamanya, di MADA kadar upah untuk menuai padi ialah antara \$55 hingga \$65 manakala upah membajak pula ialah kira-kira \$60 bagi 0.3 hektar atau lebih kurang satu relung. Kadar ini ditentukan melalui perundingan di antara petani-petani sendiri iaitu melalui projek berkelompok masing-masing dengan pihak pemilik jentera pertanian, Pengurus Besar MADA dan Pusat Mekanisasi.

Manakala bagi kawasan luar MADA pula, kadar upah menuai padi adalah antara \$60 hingga \$65 dan upah membajak pula kira-kira \$65 hingga \$70. Kadar upah yang agak tinggi di luar MADA ini mengikut keadaan sawah berkenaan yang berisiko tinggi berbanding MADA. Penglibatan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui Pusat Mekanisasi Peladang dalam menyediakan jentera-jentera pertanian tersebut secara langsung

mempengaruhi kadar sewa/upah yang dibayar oleh petani-petani bagi perkhidmatan jentera pertanian bagi kawasan luar MADA.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya merasakan bahawa pembajakan dan juga penuaian adalah beban yang begitu besar kepada petani-petani dalam tempoh 10 tahun yang sudah dan sehingga masa kini, kerana subsidi baja padi adalah merupakan usaha yang sudah bermula daripada 10 tahun yang sudah dan sehingga masa ini tidak ada satu penyelarasan bersabit dengan subsidi baja padi. Oleh yang demikian, saya mohon penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri supaya memberi subsidi pembajakan kepada petani-petani kerana gaji pegawai-pegawai Kerajaan naik, tetapi harga padi tidak naik dan saya pohon subsidi pembajakan dapat dipertimbangkan.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kerajaan memang memberi subsidi untuk harga padi dan baru-baru ini kita telah menaikkan subsidi yang diberi bagi padi pada tahun lalu. Bagi membantu petani-petani, Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah, termasuklah memberi perkhidmatan melalui LPP yang mempunyai banyak traktor dan juga jentuai di kawasan masing-masing.

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk memberi subsidi itu, buat masa sekarang tidak ada cadangan oleh Kementerian, walau bagaimanapun, diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No.11 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

PENYALAHGUNAAN KUASA DI KEMENTERIAN PENERANGAN

12. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah seriusnya kes-kes penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku dalam jabatan serta agensi Kementerian Penerangan;
- (b) adakah pihak Kementerian telahpun mengambil tindakan ke atas individu yang terlibat;
- (c) sila nyatakan berapa kes begini yang dapat dikesan; dan
- (d) nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan memandang serius tentang sebarang penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa di dalam mana-mana jabatan atau agensi di bawahnya. Yang Berhormat Menteri Penerangan baru-baru ini telahpun mengarahkan satu jawatankuasa dibentuk yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan sendiri untuk memastikan supaya sebarang aduan berkenaan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dan kakitangan Kementerian disiasat. Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk memperbaiki sebarang kelemahan sistem kawalan kerja atau prosedur di Kementerian ini supaya peraturan yang akan digariskan nanti tidak memungkinkan penyelewengan berlaku dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, memandang bahawa jawatankuasa ini baru sahaja dibentuk, buat masa ini belum ada lagi kes yang, dengan izin, 'conclusive'.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah dalam pilihanraya atau di luar pilihanraya kakitangan Jabatan Penerangan digunakan untuk kempen-kempen Barisan Nasional? Apakah ia tidak termasuk dalam penyalahgunaan kuasa bila jentera penerangan digunakan untuk kempen Barisan Nasional?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau jentera Jabatan Penerangan digunakan untuk kempen Parti Barisan Nasional, mungkin ia boleh diistilahkan sebagai tidak menjalankan kuasanya dengan betul. Tetapi apa yang berlaku di dalam pilihanraya, jentera-jentera Jabatan Penerangan, pegawai-pegawai Jabatan Penerangan ditugaskan untuk memaklumkan rakyat sebagai tanggungjawabnya di atas kepentingan tiap-tiap rakyat yang mendaftar mengundi untuk mengundi, memanggil mereka, memaklumkan kepada mereka masa bila pergi mengundi dan sebagainya. Kalau sekiranya adakala di mana liputan dibuat kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan, seperti Perdana Menteri, Menteri Besar termasuk Menteri Besar Kelantan pada masa akan datang dan mana-mana Ketua Menteri, maka liputan itu dilakukan semata-mata di atas sifat mereka sebagai Ketua Kerajaan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata dalam pilihanraya jentera penerangan, kereta penerangan digunakan untuk membuat liputan bagi pihak Kerajaan. Bagaimana pula baru-baru ini dalam mesyuarat Perhimpunan Agung UMNO di mana secara jelas dan nyata RTM memainkan peranan secara besar-besaran seolah-olah RTM ini sudah jadi milik UMNO. Itulah bayangan yang wujud di seluruh negara, terutamanya dalam isu-isu yang menghentam Raja-raja dan sebagainya

seolah-olah di 'stage-manage' untuk mewujudkan satu gambaran yang tidak sihat terutamanya di kalangan orang Melayu dan sikap mereka terhadap Raja. Apakah ini bukan merupakan suatu penyelewengan?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak. RTM merupakan satu agensi pusat pengumpulan berita dan penyebaran berita yang dimiliki buat masa ini oleh Kerajaan. Tugasnya adalah untuk memberi maklumat kepada rakyat terhadap apa juga perkembangan yang berlaku dalam negara kita ini yang mungkin melibatkan rakyat jelata keseluruhannya. Apa yang berlaku kalau dalam Perhimpunan PAS yang dibincangkan dasar-dasarnya tak ada kena-mengena dengan hubungan orang ramai, jadi tak ada kesan. (*Tepuk*) Tetapi apabila parti yang dinamakan UMNO itu bersidang, rakyat semua hendak tahu. Jadi sebagai Jabatan yang bertanggungjawab, maka RTM memang mengumpul dan menyebarkan berita di atas apakah kesannya kepada rakyat yang mana rakyat saya rasa keseluruhannya berterima kasih di atas siaran RTM. (*Tepuk*)

PENERAPAN NILAI ISLAM DALAM INSTITUSI KEWANGAN

13. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) terangkan tindakan ke arah penerapan nilai-nilai Islam di dalam institusi kewangan yang bersistemkan riba dalam negara ini; dan
- (b) nyatakan sama ada Kerajaan bercadang menghapuskan amalan riba dalam sektor ekonomi dan kewangan negara. Jika tidak, apakah yang menghalang Kerajaan daripada bertindak demikian.

12.12.91

18. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk memajukan lagi sistem banking Islam yang dipelopori oleh Bank Islam dalam usaha membandung amalan riba di negara ini.

5.12.91

12. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menggunakan kaedah-kaedah kewangan Islam dalam sistem kewangan negara serta institusi-institusi kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat yang lain, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang yang dijadualkan dijawab pada 2hb Disember 1991 dan Ahli Yang Berhormat dari Jelebu yang dijadualkan dijawab pada 5hb Disember 1991, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua maklum, Kerajaan telahpun mewujudkan asas-asas yang sewajarnya bagi pelaksanaan urusan kewangan mengikut lunas-lunas Islam. Ini termasuklah pengwujudan Akta Bank Islam serta penubuhan Bank Islam dalam tahun 1983 dan pengwujudan Akta Takaful serta penubuhan Syarikat Takaful dalam tahun 1985.

Dengan tersedianya asas-asas itu, Kerajaan berharap urusan kewangan secara Islam akan berkembang dengan

pesat setanding dengan urusan kewangan secara konvensional bagi memenuhi kehendak orang ramai. Kerajaan sentiasa menggalakkan institusi-institusi kewangan berkenaan termasuk Bank Islam dan Syarikat Takaful untuk mengembangkan aktiviti mereka dengan memperkenalkan instrumen-instrumen ataupun alat-alat kewangan baru yang selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Peluang untuk mereka berkembang adalah terbuka luas kerana undang-undang negara tidak menyekat mana-mana pihak yang ingin menjalankan urusan kewangan mengikut lunas-lunas Islam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan urusan kewangan secara Islam adalah dibuat seiringan dengan urusan kewangan secara konvensional bagi memberi alternatif kepada mereka yang ingin berurusan mengikut cara Islam. Dengan demikian, soal penggantian kepada sistem yang sedia ada serta masalah-masalah yang mungkin timbul ke atas sistem kewangan yang sedia ada adalah tidak berbangkit kerana orang ramai boleh memilih urusan kewangan yang sesuai bagi mereka. Soal penerapan nilai-nilai Islam atau pelaksanaan kaedah-kaedah Islam di kalangan institusi-institusi kewangan konvensional adalah terpulang kepada budibicara mereka sendiri kerana institusi-institusi kewangan yang menyediakan perkhidmatan mengikut kaedah-kaedah Islam telah tersedia ada.

Dalam hubungan ini, apabila urusan kewangan secara Islam mendapat sambutan hangat daripada orang ramai, saya percaya institusi-institusi yang menjalankan urusan kewangan secara konvensional akan turut mengubah kepada cara Islam. Peluang untuk mereka melaksanakan sistem secara Islam adalah sentiasa terbuka. Pelaksanaan dua urusan kewangan secara seiringan ini akan membolehkan

orang ramai membiasakan diri mereka dengan urusan yang baru itu dengan cara beransur-ansur tanpa menjejaskan kedudukan kewangan dan ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan Mac akan datang ini, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 akan dipinda sewajarnya bagi membolehkan kaunter-kaunter urusan bank secara Islam diwujudkan di institusi-institusi kewangan di negara ini.

Ini adalah bertujuan untuk menggalak dan mengembangkan lagi urusan bank secara Islam dalam sistem kewangan negara. Urusan bank secara Islam yang akan dikendalikan melalui kaunter-kaunter itu meliputi aktiviti simpanan dan pinjaman yang diasaskan mengikut lunas-lunas Islam. Ia diuruskan secara berasingan dengan urusan bank konvensional. Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah pelaksanaannya masih lagi dalam peringkat akhir kajian dan akan dilaksanakan secepat mungkin setelah ia disempurnakan nanti.

Di samping itu, Kerajaan juga telah dan sedang mengambil beberapa langkah ke arah mewujudkan urusan kewangan Islam dalam sistem kewangan negara termasuk dalam pasaran modal tempatan dan dalam sistem fiskal negara. Dalam pasaran modal tempatan misalnya, Kerajaan telah mengadakan Sekuriti Kerajaan yang berasaskan lunas-lunas Islam yang dinamakan Sijil Pelaburan Kerajaan dengan tujuan untuk menyediakan peluang pelaburan kepada institusi-institusi yang berasaskan Islam dan dalam dasar fiskal negara pula Kerajaan telah memberi pengiktirafan ke atas bayaran zakat; yang dibuat oleh orang Islam di mana setiap bayaran zakat akan ditolak daripada jumlah bayaran cukai pendapatan.

Kajian juga sedang dijalankan bagi memperkenalkan kaedah-kaedah lain daripada semasa ke semasa.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah pokok di dalam hal pengIslaman perjalanan bank-bank ialah masalah riba', iaitu soal bunga, soal faedah dan lain-lain lagi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai seorang ahli ekonomi, apakah perkara-perkara atau masalah teknikal yang dihadapi oleh bank-bank untuk mengubah daripada pembayaran faedah ataupun bunga on time deposit ini kepada sistem Islam, iaitu sistem mudharabah ataupun lain-lain lagi kerana di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan walaupun Akta itu akan dilaksanakan pada bulan Mac tahun hadapan, disebut di dalam jawapan tadi bahawa ianya akan diadakan seiring dengan cara-cara konvensional. Jadi, bila ada seiringan dengan cara-cara konvensional, iaitu sistem bank khususnya Bank Simpanan Nasional atau Bank Pertanian yang dicontrol oleh Kerajaan, masih lagi mengamalkan sistem riba', hanya diadakan sistem Islam seiringan. Apakah masalah teknikal yang dihadapi yang mana institusi Kerajaan sendiri tidak mahu menukar kepada keseluruhan sistem Islam—kalau ada masalah, supaya kita dapat tahu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, amalan sistem kewangan secara konvensional adalah satu amalan yang terlalu pervasive, dengan izin, begitu mendalam sekali dari segi kebiasaannya dalam masyarakat, bukan sahaja di Malaysia ini, bahkan di seluruh dunia. Maka, sistem cara Islam ini diperkenalkan di peringkat dunia daripada tahun 1975, dimulakan dengan satu Bank Islam kalau tidak salah saya di Dubai. Selepas itu, diperkembangkan dari satu negara ke satu negara dan akhir-akhir

ini sudahpun terdapat lebih kurang hampir 200 Bank Islam di seluruh dunia termasuk satu di Malaysia.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hendak memperkenalkan satu-satu sistem mengikut kaedah Islam yang berasaskan kepada matlamat keadilan sosial di mana risiko dikongsi bersama, untung dan rugi perlu juga dikongsi secara bersama dan tidak ada penganiayaan kepada mana-mana pihak, maka amalan tersebut perlu melalui satu proses untuk diperkenalkan.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sudahpun membiasakan amalan yang baru ini dan diterima, maka langkah seterusnya ialah untuk kita mengizinkan supaya kedua-dua sistem itu berkembang seiring untuk mengizinkan semua pihak membuat pilihan. Selepas daripada itu saya percaya bahawa terpulung kepada sama ada penyimpanan, peminjam, ataupun pemegang saham kepada sistem tersebut untuk memilih manakah satu agaknya yang lebih baik, mana satu lebih murah, mana satu lebih cekap dan sebagainya untuk menjadi pilihan yang utama di antara sistem yang peringkat keduanya adalah seiring dan sebaya.

Jadi, sama ada ada masalah teknikal sehinggakan tidak dapat dilaksanakan serta-merta, jawapannya secara ringkas ialah kebiasaan daripada satu peringkat kepada satu peringkat sehinggakan ianya merupakan menjadi pilihan kepada mana-mana pihak untuk memberikan keutamaan mereka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional boleh melancarkan dan meneruskan usaha untuk meng-Islamisasikan sistem kewangan di

Malaysia apabila pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri MCA berkata bahawa mereka menentang segala usaha Islamisasi? (*Tepuk*)

Tidakkah pendirian mereka menentang segala usaha Islamisasi dibangkitkan dalam Kerajaan dan di Jemaah Menteri atau pendirian mereka tidak dihiraukan, atau adakah mereka menentang di luar Kerajaan dan Kabinet dalam suratkhbar sahaja, tetapi dalam Kerajaan dan dalam Kabinet memberi sokongan yang penuh kepada semua usaha Islamisasi termasuk sistem kewangan? (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Betul, betul! MCA bohong, MCA bohong!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada DAP sendiri yang tidak rela dengan proses Islamisasi ini (*Tepuk*), walaupun Yang Berhormat dari Tanjong menggunakan nama MCA untuk mencelah soalan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan sebentar tadi bahawa tidak sepatutnya mana-mana pihak, khususnya DAP, menggunakan soalan ini sebagai kesempatan untuk membuat dakwaan bahawa proses Islamisasi akan membawa mudarat kepada mana-mana pihak bahawa....

Tuan Lim Kit Siang: Kepada MCA, bukan DAP! Kepada MCA!

Seorang Ahli: Betul! (*Disampuk*)

Tuan Abdul Ghani bin Othman:ya, saya sudah mulakan jawapan saya tadi dengan mengatakan bahawa Yang Berhormat dari Tanjong sengaja mencelah untuk menyuarakan pendiriannya.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa kemudahan untuk sistem kewangan dibuat sebegitu rupa supaya akhirnya ada pilihan. Walaupun begitu, pada

mutakhirnya sama ada masyarakat penyimpan ataupun masyarakat peminjam ataupun masyarakat pengusaha yang memiliki bank-bank ataupun institusi kewangan, mereka akhirnya akan memilih sistem yang paling cekap, paling efficient dan paling adil dari segi equity, dengan izin. Jadi kalau sekiranya.....

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan soalan saya, soalnya ialah pendirian MCA dalam hal ini, dalam Kerajaan. (*Disampuk*)

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya telah sebutkan tadi bahawa tidak sepatutnya ada mana-mana pihak kita dalam Dewan ini daripada pihak Pembangkang di sana akan merasa mudarat kesudahan daripada terlaksananya sistem Islam dalam institusi kewangan atau dalam industri kewangan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong, jangan menyampuk.

PILIHANRAYA UMUM 1990— KETUA TEMPAT MENGUNDI

14. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat Ketua Tempat Mengundi enggan mengeluarkan Borang 14, iaitu Penyata Pengundian Selepas Pengiraan Undi kepada ejen-ejen mengira calon-calon dalam Pilihanraya Umum tahun 1990 sungguhpun ejen mengira calon minta kepada Ketua Tempat Mengundi itu seperti berlaku di Tempat Undi SRJK (Cina) True Light Perkampungan Juru, Bukit Mertajam (Juru 042/05);

- (b) apakah sebabnya Ketua Tempat Mengundi yang tersebut di atas itu enggan mengeluarkan Borang 14 itu kepada ejen-ejen mengira calon-calon; dan

- (c) apakah langkah dan tindakan telah diambil supaya perkara seperti ini tidak berulang lagi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar akan terdapatnya Ketua Tempat Mengundi yang sengaja tidak menyerahkan Borang 14 iaitu Penyata Pengundian Selepas Pengiraan Undi kepada ejen-ejen mengira undi dalam Pilihanraya Umum tahun 1990 yang lalu.

Dengan jawapan yang demikian, maka perkara timbul dalam soalan (b) dan (c) tidak berbangkit.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat kata Kerajaan tidak sedar, tetapi selepas saya mengemukakan soalan ini, adakah Kerajaan pergi menyiasat kerana tadi dikatakan tidak sedar sahaja? Adakah Kerajaan pergi menyiasat perkara ini?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyiasat. Kita telah diberitahu oleh Pegawai Pengurus di kawasan berkenaan bahawa tidak ada apa-apa aduan mengenai perkara yang dituduh oleh Yang Berhormat ini.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta Pilihanraya dan Peraturan-peraturan di bawahnya bagi membenarkan mana-mana parti politik menghantar seorang wakil atau ejen untuk hadir di tempat mengundi di dalam kem-kem Tentera, yang mana

Pilihanraya Umum 1990 wakil-wakil parti politik ini dihalang, bukan sahaja daripada Pembangkang, Kerajaan juga tidak boleh masuk. Jadi, adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan semua wakil-wakil parti politik hadir di tempat mengundi bagi memerhati pengundian di dalam kem Tentera kerana ini banyak menimbulkan keraguan kepada semua pihak yang meragui kesahihan dan kejujuran Suruhanjaya Pilihanraya? (*Tepuk*)

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, yang sentiasa meragui keikhlasan SPR adalah pihak Pembangkang. (*Tepuk*) Rakyat jelata semua puas hati dengan sistem sekarang, maka kita tidak bercadang untuk meminda apa-apa.

PENCEMARAN AIR/UDARA DI SIBU

15. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian tersebut sudah mempunyai penyelesaian terhadap pencemaran air dan udara yang teruk itu di kawasan Sibu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan pencemaran air dan udara yang masih berlaku di kawasan Sibu adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti aktiviti pembalakan dan kilang-kilang kayu yang terletak di tebing sungai melupuskan buangan terus ke dalam sungai. Masalah ini akan dapat diselesaikan sekiranya kilang-kilang tersebut mempunyai sikap yang lebih bertanggungjawab menguruskan buangan itu dengan lebih teratur. Kandungan "E-Coli" yang tinggi di dalam air sungai adalah disebabkan oleh pelupusan kumbahan dari kawasan perbandaran dan najis ternakan secara

terus tanpa pengolahan ke dalam sungai. Pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan pengusaha ternakan perlu menyediakan loji-loji pengolahan untuk mengolah kumbahan dan effluent yang dimaksudkan. Pencemaran udara di kawasan tersebut pula diakibatkan oleh kilang-kilang yang menggunakan "incinerator" yang mempunyai rekabentuk yang tidak mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Masalah-masalah pencemaran ini bertambah teruk disebabkan oleh sebahagian besar kilang kayu wujud di kawasan yang berdekatan dengan kawasan perumahan atau perkampungan. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak sedang giat berusaha untuk mendapatkan kerjasama pengusaha-pengusaha kilang di kawasan berkenaan untuk mempertingkatkan kawalan pencemaran masing-masing. Setakat ini, Jabatan berkenaan telah mengambil tindakan undang-undang termasuk mengkompaunkan kilang-kilang yang didapati melanggar peraturan yang sedia ada. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 dan 16 hingga 24 adalah diberi di bawah ini)

HOSPITAL BESAR KAULA LUMPUR—TEMPAT TINGGAL SEMENTARA KELUARGA

11. Tuan Michael Asang minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar atau tidak mengenai masalah tempat tinggal sementara di Hospital Besar Kuala Lumpur untuk keluarga atau saudara mara yang mengiringi atau menjaga pesakit daripada Sabah atau Sarawak semasa menerima rawatan di

hospital tersebut. Kalau sedar, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil. Kalau tidak, mengapa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pihak Hospital Besar Kuala Lumpur memang menyedari masalah yang dihadapi oleh keluarga atau pengiring yang menjaga pesakit di wad-wad, terutamanya dari laur Kuala Lumpur. Sehubungan dengan itu maka hospital besar telah mengamalkan polisi "Mother Accompanying Child" bagi pesakit kanak-kanak di mana pengiring dan pesakit akan diperuntukkan katil serta makanan sebaik sahaja mereka didaftarkan. Bagi pesakit-pesakit dewasa pula khasnya dari Sabah dan Sarawak, pihak Pegawai Kebajikan Masyarakat, Perubatan Hospital Besar Kuala Lumpur akan menghubungi pegawai-pegawai dari Yayasan Sabah atau Yayasan Sarawak yang akan membantu menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada pengiring pesakit.

PENSYARAH UNIVERSITI MELETAKKAN JAWATAN

16. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan secara terperinci faktor-faktor lain selain daripada faktor pendapatan yang mendorong kakitangan akademik di pusat-pusat pengajian tinggi berhijrah ke sektor swasta.

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 7.11.91.

KOMPLEKS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

17. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk

membaikpulih Kompleks Sukan Wilayah Persekutuan Labuan;

- (b) sama ada pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk menswastakan pengurusan stadium; dan
- (c) berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk tujuan membaikpulih Kompleks Sukan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):

- (a) Kementerian Belia dan Sukan memang mempunyai rancangan untuk membaikpulih Kompleks Sukan Labuan. Pada masa ini Cawangan Penyelidikan, Ibu Pejabat JKR sedang menjalankan penyiasatan yang menyeluruh untuk mengenalpasti punca kerosakan yang timbul dan seterusnya mengesyorkan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi membaiki kerosakan tersebut. Kementerian ini menjangka kerja-kerja membaikpulih akan bermula pada awal tahun 1992.
- (b) Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk menswastakan pengurusan Kompleks tersebut.
- (c) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam peruntukan sebanyak \$1.5 juta telah disediakan untuk membaikpulih Kompleks Sukan tersebut.

GAJI KAKITANGAN KERAJAAN

18. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji gaji kakitangan Kerajaan selaras dengan peningkatan produktiviti dan ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini Kerajaan telahpun bersetuju meluluskan kenaikan gaji anggota sektor awam di bawah Sistem Saraan Baru yang diperkenalkan dan akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1992.

Keputusan Kerajaan menyemak semula gaji sektor awam ini adalah berdasarkan kemampuan kewangan yang memang telah mengambil kira akan kedudukan ekonomi yang agak kukuh pada ketika ini serta prospek pertumbuhan yang diramalkan cerah untuk tempoh yang akan datang. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah Sistem Saraan Baru yang diperkenalkan itu bukan semata-mata bertujuan menambah kadar gaji para anggota. Sebaliknya, ia telah dibentuk dengan unsur-unsur yang menggalakkan peningkatan prestasi para anggota dan produktiviti sektor awam umumnya. Sektor awam yang cekap dan produktif akan pasti dapat menyumbang dengan berkesan ke arah usaha pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat lagi.

PASUKAN PETUGAS KHAS MENGENAI PENDATANG HARAM DI SABAH

19. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah kejayaan Pasukan Petugas Khas Persekutuan ke atas pendatang haram di Sabah, hasil gerakan pendaftaran dengan menyatakan jumlah pendatang haram di Sabah pada masa kini, dan jumlah pendatang haram yang telah dihantar balik ke negara asal mereka sejak tarikh tutup pendaftaran 13hb Ogos.

Tuan Ong Ka Ting: Pasukan Petugas Khas Persekutuan telahpun selesai menjalankan gerakan banci dan pendaftaran Pendatang Luar Negeri

(PLN) di Sabah pada 13hb Ogos, 1991. Pasukan itu sekarang sedang memproses data bancian ke dalam komputer bagi mengkategorikan PLN itu. Jumlah sebenar mereka yang berada di Sabah hanya dapat diketahui apabila proses ini selesai di akhir bulan November, 1991. Setakat ini sejumlah 91,000 rekod telah dimasukkan ke dalam komputer, yang mana satu rekod untuk satu orang PLN.

Sejak pendaftaran tamat pada 31hb Ogos, 1991, Pasukan Petugas Khas Persekutuan telah menjalankan beberapa operasi pencegahan dan pengusiran PLN di Sabah dengan bantuan dan kerjasama dari Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen. Sepanjang bulan September, 1991, Polis Merin PDRM telah memintas, menahan dan mengusir 34 bot bermuat 263 orang PLN dari Indonesia dan Filipina.

Sebanyak 195 operasi telah dijalankan di seluruh daerah di Sabah dan Wilayah Persekutuan Sabah dan seramai 1132 PLN telah ditahan untuk diambil tindakan di bawah Akta Imigresen.

Di samping itu dalam tempoh yang sama pihak Imigresen telah mengusir seramai 795 PLN balik ke negara asal mereka (332 Filipina dan 466 Indonesia). Selain dari itu seramai 351 PLN Filipina telah balik ke negara asal mereka secara sukarela dengan menaiki bot-bot barter dari Sandakan dan Tawau.

Walaupun Pasukan Petugas Khas Persekutuan baru selesai menjalankan Gerakan Pendaftaran PLN di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, usaha tersebut telahpun mendatangkan kesan yang positif terhadap masalah kemasukan PLN ke Sabah secara haram. Apabila proses mengkategorikan PLN ini selesai nanti, lebih banyak pendatang-pendatang haram akan dapat dikenalpasti dan dihantar balik ke negara asal mereka.

PENYAKIT AIDS—KAWALAN

20. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal merebaknya bahaya penyakit AIDS.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

BAHAYA PENYAKIT AIDS

21. Dato' Haji Muhamad bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pengidap penyakit AIDS di Malaysia telah meninggal dunia sehingga sekarang; apakah langkah-langkah atau program yang dilaksanakan di Sekolah-sekolah bagi memberi penerangan kepada pelajar-pelajar mengenai bahayanya penyakit AIDS; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi menentukan darah yang dipindahkan kepada pesakit di hospital-hospital tidak mengandungi kuman Sindrom Kurang Daya Melawan Penyakit (AIDS).

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21.10.91.

PELACURAN DAN PERJUDIAN—MEMBANTERAS

22. Tuan G. Palanivel minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan menyekat dan menghapuskan kegiatan-kegiatan maksiat dan judi haram di Kuala Lumpur dan lain-lain tempat dalam negara, telah diberi keutamaan oleh pihak Polis. Oleh kerana galakan dan penglibatan orang ramai adalah menjadi sebab utama mengapa kegiatan-kegiatan ini masih berleluasa, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambahkan hukuman terhadap penjudi-penjudi dan menjadikan satu kesalahan kepada pengusaha kegiatan pelacuran dan lain-lain perkhidmatan maksiat, dalam erti kata yang lain, pelanggan-pelanggan juga adalah dianggap melakukan kesalahan, bukan sahaja pelacur-pelacurnya.

Tuan Ong Ka Ting: Tindakan-tindakan tegas dan langkah-langkah tertentu sentiasa dilaksanakan oleh pihak Polis untuk membanteras dan mengawal kegiatan pelacuran dan perjudian di negara ini. Undang-undang yang sedia ada telah memperuntukkan hukuman yang berat kepada mereka yang disabitkan kesalahan. Namun demikian, memandangkan perjudian dan pelacuran adalah merupakan pekerjaan yang tertua di dunia maka ianya adalah sukar untuk dihapuskan sama sekali.

**PENGISYTIHARAN HARTA
PEGAWAI KERAJAAN**

23. Puan Lim Lay Hoon minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) tentang perkembangan arahan mengisi 'Borang Pengisytiharan Harta' oleh semua pegawai Kerajaan; dan
- (b) adakah ia mencapai matlamatnya.

Tuan Othman bin Abdul:

- (a) Pelaksanaan dan penguatkuasaan arahan pengisytiharan harta terhadap pegawai Kerajaan adalah merupakan "on going process". Setakat pertengahan 1991, lebih daripada 75% pegawai-pegawai Kumpulan 'A', 'B' dan 'C' telah mengemukakan laporan harta kepada Pihak Berkuasa Tetatertib di Kementerian/Jabatan.
- (b) Matlamat arahan pengisytiharan harta ini antara lain adalah bagi memastikan pegawai-pegawai Kerajaan memiliki harta melalui saluran-saluran yang sah dan di dalam kemampuannya, di samping memastikan mereka tidak menggunakan kedudukan awam untuk mengumpul atau memperolehi harta.

Setakat ini Kerajaan berpuashati terhadap pengisytiharan harta yang dibuat oleh pegawai-pegawai Kerajaan kerana ianya mencapai matlamat yang dikehendaki.

PENGUTUAN SUARA DI SABAH

24. **Tuan Fong Kui Lun** minta Perdana Menteri menyatakan fakta selain keselamatan yang menyebabkan Kerajaan Persekutuan menghalang pungutan suara dilakukan di Sabah untuk meninjau pandangan rakyat terhadap kedudukan Sabah dalam Persekutuan Malaysia sedangkan pungutan suara yang sama pernah menjadi titik-tolak kemasukan Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan Persekutuan menghalang pungutan suara diadakan di Sabah adalah kerana faktor-faktor keselamatan. Sungguhpun pungutan suara pernah diadakan bagi penentuan kemasukan Sabah ke dalam

Malaysia, namun pungutan suara itu tidaklah sama dari segi hasrat dan tujuan ianya diadakan.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1992**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1992**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

"Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$11,522,236,210 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1992, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18 Tahun 1991, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai itu." (*11hb November 1991*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batang Sadong. Yang Berhormat ada 15 minit lagi.

3.35 *ptg.*

Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap di kala mana negara kita telah mencapai taraf negara maju 30 tahun yang akan datang, hendaklah jangan ada bilangan setinggalan di negara ini melipatgandakan jumlahnya. Jika pada masa itu kelak Malaysia sudah menjadi pembuat, pengguna dan pengeluar ataupun pengeksport alat-alat canggih dengan teknologinya yang canggih masih mempunyai kecanggihan untuk mengatasi masalah setinggalan dan perumahan. Saya berpendapat sudah tentu hal ini memberi satu tamparan yang hebat kepada kita semua. Sejarah akan membuktikannya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengikuti perbincangan mengenai Belanjawan tahun 1992 ini, saya amat tertarik hati dengan ucapan Yang Berhormat dari Tanjong Aru yang tidak memberi kesempatan kepada saya dan juga Yang Berhormat dari Parit Sulong untuk meminta beliau memberi penjelasan mengenai beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada perkara yang berkaitan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sarawak semasa Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak baru-baru ini, saya ingin membuat beberapa ulasan mengenai ucapan Yang Berhormat dari Tanjong Aru itu dan sedikit-sebanyak mengenai Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak yang lalu. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca petikan ucapan Yang Berhormat dari Tanjong Aru itu secara ringkas. Saya quote:

“Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah menyambut baik saranan Perdana Menteri semasa lawatan ke Sarawak baru-baru ini agar pemimpin-pemimpin politik mem-berhentikan politik perkauman.”

Beliau berkata, dengan izin, “racial politics will only instigate the people and cause the race to hate one another and eventually spark off racial riots”.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi daripada sedutan ucapan Yang Berhormat dari Tanjong Aru, yang saya tidak nampak hadir di Dewan pada hari ini, ialah menggambarkan keperibadian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai “double standard”, tidak berwibawa, tidak ikhlas, tidak amanah dalam menjalankan tanggungjawab dan kewajipan beliau sebagai pejuang bangsa, pejuang tanahair, pejuang Wawasan 2020! Kami dalam Barisan Nasional 3 menafikan dan tidak setuju dengan hujah-hujah Yang Berhormat dari Tanjong Aru itu. Kami dalam PBB dan khasnya BN3 tetap mengatakan yang nasihat Yang Amat Berhormat itu tulus dan ikhlas dan tidak ada fenomena “double standard” di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Tanjong Aru adakah Yang Berhormat turut serta berkempen semasa Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak dahulu? Kalau ada, sudah tentu Yang Berhormat dapat menjawab dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sekali lagi menegaskan dalam ucapan perasmian beliau dan saya quote:

“Baru-baru ini juga rakan-rakan kita di Sarawak telah mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya Negeri. Saya ucapkan “tahniah dan syabas”. Barisan Nasional di Sarawak telah sekali lagi diberi mandat oleh penduduk Sarawak. Kemenangan Barisan Nasional ini menunjukkan bahawa

rakyat inginkan pembangunan, kerjasama dan persefahaman. Pengundi-pengundi di Sarawak menolak politik perkauman dan politik perpecahan. Mereka tidak mahu orang yang tidak laku dan kecewa di Semenanjung ini melepaskan perasaan iri hati mereka di Sarawak.”

Tuan Yang di-Pertua, isu terbaru yang menarik minat pemerhati politik Sarawak selepas pilihanraya itu ialah kedudukan PBDS, kerabat BN Pusat dalam Barisan Nasional yang menjadi pembangkang tunggal di Sarawak pada ketika ini, selepas memenangi 7 kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Perubahan PBDS untuk menyertai semula BN3 tanpa syarat serta kesanggupan menghapuskan sikap perkauman terlalu cepat, adalah merupakan satu sandiwara politik yang tidak berbau keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih mengelirukan ialah PBDS yang ditubuhkan pada tahun 1983 mendapat sokongan Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib sendiri untuk menyertai Barisan Nasional pada tahun 1984, dengan melukai perasaan hati SNAP ketika itu. Dan pada tahun 1987, PBDS berpadu tenaga membentuk satu Kumpulan Maju yang terdiri daripada sekumpulan pemimpin PBB menikam Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib dari belakang, menyebabkan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak diadakan dua tahun lebih awal pada tahun 1987. Ekoran peristiwa Ming Court itulah PBDS menjadi Pembangkang di peringkat Negeri.

Sebenarnya congakan politik yang dimainkan oleh PBDS itu tidak sukar dibaca, dengan berbuat demikian parti itu berharap imejnya sebagai parti perkauman yang enggan bertolak-ansur di Sarawak dapat dikikis di mata rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga memberi gambaran kepada Barisan Nasional Pusat dan pemimpin-pemimpin di Kuala Lumpur bahawa PBDS sebenarnya sedia bertolak ansur dan sebarang penghalang adalah pemimpin-pemimpin BN3, cerdik-pandai dalam PBDS adalah dari intelektual yang berpelajaran tinggi dan berpengalaman dalam politik, dan seolah-olah sudah membaca reaksi berhubung dengan perubahan sikapnya itu. Jika kenyataan itu dibuat seminggu selepas pilihanraya tentu sekali reaksi BN3 dan anggapan umum berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya yang lepas kita telah melihat banyak perkara yang tidak diinginkan berlaku lebih-lebih lagi apabila kita melihat sepanduk-sepanduk dari parti lawan. Misalnya, saya ambil keluaran Dewan Masyarakat, November 1991, muka surat 15, ada pantun. Saya bacakan pantun itu dalam bahasa Iban:

Tan bubu ridan
Ikan keli tamak entayak
Ambik duit Barisan
Kena ngundi Parti Dayak

Ini dia! Ini menunjukkan bahawa sikap pemimpin PBDS ketika itu adalah tidak bertanggungjawab, menyemaikan perasaan dan anggapan bahawa rakyat di Sarawak ini mudah ditipu, mudah disemai dengan perasaan agar mereka ini menjadi orang penipu pada satu hari nanti.

Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat Kok Lanas bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Wahab bin Suhaili: Ada injury time, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tuan Wahab bin Suhaili: Tidak ada. Saya beri chance sedikit sahaja.

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak adapun dia beri chance.

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya daripada ucapan Yang Berhormat tadi. Adakah Yang Berhormat bermakna bahawa PBDS mesti keluar daripada Barisan Nasional di peringkat Persekutuan, kerana mereka menjadi Parti Pembangkang di peringkat Sarawak, maka mereka mesti keluar daripada Komponen Barisan Nasional di peringkat Pusat, apakah itu maksud Yang Berhormat?

Tuan Wahab bin Suhaili: Terima kasih, soalan Yang Berhormat dari Kok Lanas. Semalam sahabat saya dari Bukit Mas telah menyatakan, sila baca dalam *Hansard* pada hari ini.

Jadi pada pendapat saya, kita tidak mahu ada duri dalam daging, kita tidak mahu ada pijat dalam kelambu, apabila kita hendak membakar pijat itu ataupun mengeluarkan pijat itu, kita terpaksa membakarkan kelambu?

Tuan Yang di-Pertua, daripada pilihanraya yang lepas banyak masalah yang telah dibangkitkan hingga menimbulkan banyak perasaan tidak senang hati terhadap orang UMNO, kerana isu-isu yang dibangkitkan seperti isu UMNO tolong PBDS, UMNO tidak akan ke Sarawak oleh kerana tidak mahu menyokongkan perjuangan orang Melayu di Sarawak, telah dimainkan di kawasan saya N.17 dan khasnya di kawasan P.161 Batang Sadong.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita telah memahami UMNO dan kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada rakan-rakan kita daripada Semenanjung yang telah menolong kita dalam Pilihanraya Umum yang lepas, dan mereka ini terdiri daripada orang-orang UMNO sendiri! Bagaimana kita memperkatakan bahawa orang UMNO tolong PBDS dan tidak mahu tolong BN3?

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu tipu helah politik yang dimainkan oleh PBDS pada masa itu. Saya bawa potongan beberapa keratan surat khabar keluaran *Berita Harian*, muka surat 10 bertarikh 5 Oktober, 1991. "Sandiwara politik PBDS Timbulkan Tandatanya". Saya bacakan sedikit sebanyak kerana saya telah membuat ulasan mengenai apa yang telah saya katakan tadi dan saya hendak petikkan ucapan daripada Yang Berhormat Dato Amar Alfred Jabu bahawa permohonan Datuk Moggie itu lebih...

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nilam Puri bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Wahab bin Suhaili: Sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap sahaja.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ada wakil-wakil UMNO yang membantu pihak PBDS, apakah UMNO ini satu rakan yang tidak setia atau apakah UMNO ini sikapnya suka main sama sendiri?

Tuan Wahab bin Suhaili: Seperti mana yang saya tahu maklumat yang saya dapati tidak ada ahli UMNO yang menyokong PBDS.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sekali lagi oleh kerana ucapan saya terputus oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri tadi.

Justeru itu Dato Amar Alfred Jabu telah berpendapat permohonan maaf Datuk Moggie itu lebih bersifat peribadi, kerana mahu menjaga kepentingannya sebagai Menteri Pusat dan bukannya mencerminkan pendirian terbaru PBDS.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kepimpinan BN3 bersedia lebih awal menutup semua ruang yang boleh dijadikan isu berkempen oleh pihak Pembangkang. Ini ada sangkut-pautnya juga dengan apa kenyataan dalam akhbar Yang Berhormat Menteri Kerja Raya Malaysia, "Sarawak tidak perlu Pembangkang". Kenyataan ini dikeluarkan ataupun dilafazkan selepas rakyat membuat pengundian, membuat pemilihan! Mengapa isu seperti ini tidak dikeluarkan sebelum pilihanraya tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan umum sepertimana apa yang terkandung dalam ini sebelum hari penamaan calon, memang telah dibincangkan berkenaan dengan kemasukan PBDS dalam Barisan Nasional dengan formula 7+1. 7+1 adalah 7 Kerusi Dewan Undangan Negeri yang diperolehi mereka pada ketika itu diberi kepada PBDS dan tambah satu lagi, tetapi nampaknya PBDS tetap dengan pendiriannya mahukan 17 Kerusi. Jadi pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah membuat penentuan bahawa PBDS hanya diberi 7 Kerusi untuk menjadi Pembangkang di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, kita melihat perkembangan politik di Sarawak itu dan scenario yang berkaitan dengannya. Maka dengan itu saya berbalik kepada perbincangan kita mengenai Belanjawan 1992.

Tuan Yang di-Petua, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peruntukan sebanyak \$263 juta bagi melaksanakan sistem jalan raya dalam tahun 1992 nanti. Walau bagaimanapun di atas keperihatinan Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kewangan bagi peruntukan-peruntukan dalam sektor lain di Sarawak diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terlupa menyentuh mengenai isu-isu penubuhan Malaysia yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Aru tempoh hari....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sedikit sahaja Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Wahab bin Suhaili: Ya, mungkin dalam dua, tiga ayat sahaja.

Sebelum saya menyokong dan mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Tanjong Aru di atas desakan beliau terhadap permintaan-permintaan Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat tetapi hendaklah kita berpandukan kepada apa yang telah dijanjikan ataupun apa yang telah ditubuhkan semasa kita hendak membentuk Malaysia dalam tahun 1962.

Begitu juga saya menyeru kepada rakan-rakan saya sama ada dari Pembangkang ataupun dari parti Kerajaan, sekiranya mempunyai masalah mengenai apa yang tidak kita senangi dengan Kerajaan Pusat di Kuala Lumpur, sila nyatakan di Dewan yang mulia ini. Tidak perlu kita nyatakan di rumah-rumah panjang, tidak perlu kita bawakan di kampung-kampung di mana Menteri-menteri tidak dapat menjawab. Jadi, samalah seperti kita tadi memarahi budak-budak yang mana tidak tahu menjawab apa yang kita marahkan itu. Dan saya sekali lagi memohon ampun dan maaf kepada

tuan-tuan dan puan-puan....(*Ketawa*)
.....Ahli-ahli Yang Berhormat....
(*Ketawa*) Minta maaf, Tuan Yang di-
Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah minta ampun dan maaf. (*Ketawa*) Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Wahab bin Suhaili: Maka dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seputeh.

3.52 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, siapa sahaja Menteri Kewangan yang membentangkan Belanjawan tidak ada seorang pun penyokong Kerajaan akan mengkritik. Semua akan memuji dan menganggap sebagai Belanjawan terbaik. Belanjawan yang dibentangkan setiap tahun diiringi dengan jaminan bahawa ianya tidak membebankan rakyat.

Memang Belanjawan itu tidak membebankan rakyat. Walau bagaimanapun, rakyat tetap memikul beban kesan daripada Belanjawan tersebut. Apabila rakyat mempertikaikan kenaikan yuran di universiti-universiti tempatan, Perdana Menteri kita mengatakan tidak ada yang percuma di dunia ini. Apabila rakyat mempertikaikan tentang hutang negara, Timbalan Perdana Menteri kita menjelaskan, "kita pinjam banyak-banyak, kita bayar pun banyak-banyak". Inilah jawapan daripada pemimpin-pemimpin negara ini untuk menghiburkan hati rakyat Malaysia.

Apakah benar rakyat negara ini mendapat pendidikan secara percuma? Kalau percuma mengapa ada laporan dari negeri Kedah menyebut lebih 40 orang kanak-kanak Melayu tidak bersekolah kerana kemiskinan ibu bapanya. Satu keluarga di Temerloh,

Pahang terpaksa memberhentikan 3 orang anaknya dari meneruskan persekolahan baru-baru ini disebabkan tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah mustahil ibu bapa yang terbabit tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kalau Kerajaan selama ini memberi pendidikan secara percuma, apakah percuma namanya kalau untuk murid Darjah Satu terpaksa membelanja sehingga \$100 untuk buku-buku, yuran PIBG, yuran sekolah, yuran perpustakaan dan lain-lain? Ini tidak termasuk pakaian seragam, beg sekolah, kasut dan stokin.

Bagaimana kalau dalam keluarga berkenaan ada 3 orang anak bersekolah? Selama ini, rakyat Malaysia tidak mendapat pendidikan percuma tetapi itulah jawapan seorang Perdana Menteri apabila dibangkitkan masalah kenaikan yuran universiti. Sekalipun kadar kenaikan sekarang sudah diturunkan daripada pengumuman asal tetapi beban yang dipikul oleh rakyat adalah kesan dari Belanjawan yang mendapat pujian beberapa orang semasa dibentangkan di Parlimen.

Memang benar juga kita pinjam banyak-banyak dan bayar pun banyak-banyak. Bolehkah hutang negara yang banyak dibayar banyak-banyak kalau sumber hasilnya tidak seimbang? Sudah tentu pula untuk mendapat sumber hasil yang banyak ini maka rakyat akan memikul beban yang lebih banyak dengan cukai yang semakin banyak pula.

Tuan Yang di-Pertua, inilah contoh bagaimana pemimpin-pemimpin negara ini mengendalikan tanggungjawab dengan meletakkan tangan mereka di atas arang dan kemudian menconteng ke muka mangsanya. Mereka boleh melakukan apa sahaja mengikut kuasa yang ada di tangan tetapi tanggungjawab mereka untuk kepentingan siapa? Sebenarnya rakyat Malaysia

menerima nasib malang apabila memilih Kerajaan BN dalam pilihanraya lalu. Bagaimanapun, mereka terpaksa memilihnya disebabkan umpan yang disediakan oleh BN. Umpan pembangunan dan segala macam janji. Inilah menjadikan rakyat sentiasa memikul beban yang disediakan oleh BN dalam setiap kali membentangkan Anggaran Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1992 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru yang kaya dengan slogan dan kata-kata bombastic pada 1 November lalu juga mendapat pujian daripada pakar-pakar pengampu. Teks ucapan yang disulam dengan kata-kata "kembiri politik" dan "jumud" itu hanya mengingatkan kita kepada tragedi "Macbeth", sebuah drama terkenal karangan pujangga British, William Shakespeare.

"Macbeth" dengan segala impiannya mahu mencapai puncak kejayaan sanggup melakukan apa sahaja dengan segala kata-kata bombastic untuk memukau pengikutnya tetapi "Macbeth" tidak dapat menyembunyikan penderitaan masyarakat miskin sekalipun dia mengakui bahawa dialah pembela rakyat yang sejati.

Tuan Yang di-Pertua, minggu awal bulan Oktober lalu, dua mangsa banjir kilat terbunuh di Kampung Pasir, Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan. Hanya beberapa tahun lalu, Perdana Menteri mengumumkan Kuala Lumpur sebagai "Bandaraya Bercahaya". Maka sekarang kita menyedari bahawa Kuala Lumpur sebenarnya "Bandaraya Malap" dengan 1001 macam masalah.

Banjir kilat yang berlaku di sepanjang Sungai Kerayong, Jalan Chan Sow Lin, Jalan Kelang Lama dan Sungai Besi bukanlah semata-mata takdir Tuhan tetapi satu bencana alam

yang berpunca dari kelalaian manusia. Pembangunan yang tidak memikirkan kesan sampingan kepada penduduk-penduduk menyebabkan saluran parit dan sungai tersumbat serta menjadi cetek. Apabila hujan turun mencurahkan dalam masa beberapa jam sahaja air akan melimpah.

Hampir 20 keluarga di belakang kilang di Jalan Chan Sow Lin pada 5 Oktober lalu terpaksa tidur bersama selut lumpur yang naik hingga 2 kaki di dalam rumah mereka.

Pada hari berkenaan, saya cuba menghubungi pelbagai pihak bagi membantu mangsa-mangsa banjir di sepanjang Sungai Kerayong, semuanya sukar dihubungi. Sehingga jam 5.00 petang barulah saya dapat menghubungi Bahagian Kecemasan DBKL dan pegawai-pegawai ini bersedia memberikan kerjasama.

Sebenarnya DBKL sudah menerima memorandum dari penduduk-penduduk sekitar kawasan terbabit sejak setahun lalu mengenai isu dan cara mengelakkan banjir kilat. Dalam masa satu tahun sekurang-kurangnya duapuluh kali mereka mengalami banjir kilat, yang terpaksa pula menanggung banyak kerugian harta-benda. Mereka hanya dinasihatkan supaya berpindah, tetapi di manakah mereka mahu berpindah membawa keluarga masing-masing.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan hanya membuat kenyataan akhbar banyak program dirancang untuk setinggan. Apakah program yang dirancang oleh Kerajaan bagi membela beribu-ribu setinggan di Wilayah Persekutuan? Apakah program Kerajaan membela setinggan itu seperti yang dilakukan di Kampung Sentosa dalam bulan Oktober lalu? Penguatkuasa DBKL bukan sahaja

merobohkan rumah-rumah setinggan, malah memusnahkan harta-benda termasuk TV, peti ais dan kerusi meja. Inilah program dan rancangan yang disusun oleh Kerajaan untuk setinggan-setinggan. Kerajaan Barisan Nasional hanya mempunyai program merobohkan rumah setinggan, tetapi tidak ada program menempatkan mereka semula.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur "Bandaraya Malap" ini juga tidak dapat mengelakkan diri dari munculnya kilang-kilang haram di kawasan kilang seperti di Kampung Tai San dan lain-lain kawasan perkilangan ringan sekitar Kuala Lumpur. Kalau selepas berlakunya letupan kilang mercur Bright Sparklers di Sungai Buloh tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor mengakui terdapat 2,000 kilang haram di negeri itu, Wilayah Persekutuan juga menghadapi masalah yang sama.

Kilang haram ini bukanlah mengeluarkan produk yang haram digunakan tetapi ianya tidak diberi permit. Birokrasi yang diamalkan oleh DBKL menyekat pengeluaran permit, menyebabkan kilang-kilang haram lebih cepat membiak. Kenapa DBKL sengaja tidak mahu mengeluarkan permit, sedangkan kilang-kilang terbabit mempunyai potensi yang baik.

Kerenah birokrasi dalam DBKL ini bukanlah perkara baru, tetapi sudah menjadi amalan biasa. Kerajaan tidak pernah mahu mendengar rungutan orang ramai, bagi melindungi amalan buruk birokrasi di dalam DBKL. Kita mahu melihat keikhlasan Menteri Kewangan sekarang membanteras birokrasi dalam DBKL yang menyebabkan Kuala Lumpur menghadapi seribu satu macam masalah.

Apabila ada birokrasi, sudah tentu ada penyelewengan. Menteri Kewangan yang membentangkan

Anggaran Belanjawan di Dewan Rakyat ini berikrar akan meletakkan jawatan sekiranya gagal membanteras penyelewengan. Tetapi kita tahu ikrar ini sekadar mahu menghiburkan hati sebagai "badut politik" yang bermain dengan slogan dan kata-kata bombastic.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tahu Menteri itu tidak akan meletakkan jawatan sekalipun penyelewengan berterusan dalam agensi-agensi Kerajaan. Isu \$100 juta hutang terkumpul dalam Koperasi Belia Nasional (KOBENA) sudah hilang. Isu kerugian \$71 juta pembinaan Depoh Peluru di Masjid Tanah, Melaka juga hilang. Isu Insider Trading juga hilang. Hanya yang tidak hilang ialah gimik politik dan sandiwara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Sama seperti masalah jerebu yang masih belum hilang di Kuala Lumpur. Amat malang rakyat Malaysia bergantung harapan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kerana masalah pencemaran udara tidak dapat diatasi. Apakah Kementerian ini meletakkan kegagalan Kementeriannya kepada takdir Tuhan juga?

Jerebu tidak dapat dielakkan berpunca dari pencemaran udara. Kalau Kementerian berkenaan gagal mencegah pencemaran udara dan air, tanggungjawabnya memang tidak berkesan. Jalan sebaik-baiknya sama ada Menterinya wajar meletakkan jawatan atau Kementerian itu sendiri dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan ini tidak jauh bezanya daripada Anggaran Belanjawan di masa lalu. Mereka yang mengkritik Belanjawan ini bukanlah dari kalangan yang jahil, tetapi mereka yang sedar akan tanggungjawab kepada negara. Kita tidak mahu impian Macbeth menjadi punca kepada keadaan politik yang porak-poranda di negara ini.

Sama seperti Wawasan 2020 yang menjadi slogan baru menyempurnakan impian Macbeth, kerana amat jelas ianya rumusan dari sebuah kertas-kerja. Kerajaan tidak akan membentangkan sebarang usul di Parlimen bagi meluluskan pelaksanaan dasar Wawasan 2020 itu. Disebabkan ianya hanya slogan, maka Wawasan 2020 juga akan menjadi seperti Dasar Ekonomi Baru yang disambung semula selepas tahun 1990. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kok Lanas.

4.08 *ptg.*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan seminggu yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia menunggu-nunggu sebelum Belanjawan ini dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Mereka menunggu-nunggu mahu melihat prestasi Menteri Kewangan kita yang baru memegang jawatan dan seperti biasa, apabila Belanjawan ini telah diumumkan dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, ramai pemimpin-pemimpin politik, Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sanjungan yang tinggi melangit. Kita tidak pernah mendengar komen-komen, teguran-teguran yang membina khususnya daripada pihak Barisan Nasional sendiri, seolah-olah Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Belanjawan sulungnya adalah suatu Belanjawan yang begitu kemas, teratur dan tidak ada cacat celanya.

Inilah sikap yang telah ditunjukkan oleh ramai daripada pemimpin-pemimpin kita khususnya daripada Barisan Nasional, seperti seekor burung tiung yang hanya bercakap apabila disuruh dan mereka hanya tahu bahasa percakapan yang diajar oleh tuannya.

Samalah seperti apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Wawasan 2020, kemudian seluruh pemimpin khususnya pemimpin Kerajaan telah bercakap bahawa Wawasan 2020 ini menjadi cita-cita negara. Sebenarnya, kalau kita tanya pemimpin-pemimpin politik termasuk Menteri-menteri sendiri, apakah itu Wawasan 2020? Apa perancangan-perancangan yang dibuat, apa penelitian-penelitian yang telah dibuat untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, barangkali mereka yang bercakap itu sendiri pun tak tahu hendak memulakannya.

Kita tidak pernah menerima di dalam Dewan ini, apakah sebenarnya perancangan yang telah disusun oleh Kerajaan untuk mewujudkan negara maju menjelang tahun 2020. Kita tidak pernah berpeluang membaca suatu perancangan yang teliti, langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan pencapaian matlamat tahun 2020. Bagi kita, matlamat Wawasan 2020 samalah seperti wawasan-wawasan yang telah diwujudkan sebelum daripada ini. Bagaimana terbangnya hasrat untuk Menerapkan Nilai-nilai Islam, Konsep Kepimpinan Bersih, Cekap dan Amanah, dan berbagai-bagai lagi slogan seperti Dasar Pandang ke Timur yang telah diwujudkan sebelum daripada ini semuanya terbang bersama angin lalu.

Wawasan 2020 juga, pada pandangan saya, tidak akan melahirkan hasrat yang dicita-citakan oleh Kerajaan itu, jika sekiranya tidak ada

suatu perancangan yang teliti, suatu penelitian yang betul-betul untuk menggabungkan bukan sahaja jentera Kerajaan, pemimpin politik tetapi seluruh rakyat di negara ini. Kerana kita yakin dan percaya bahawa segala dasar yang akan dibuat oleh Kerajaan tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat sambutan daripada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi Kerajaan, khususnya agensi-agensi pembangunan wilayah yang telah ditugaskan oleh pihak Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar yang sememangnya masih luas di negara kita. Agensi-agensi seperti KADA, KESEDAR, Lembaga Tembakau Negara (LTN), MARA dan sebagainya adalah merupakan institusi-institusi yang diwujudkan melalui akta yang dibuat di Parlimen ini. Sebagai institusi-institusi yang diwujudkan oleh Akta Parlimen, maka tanggungjawab lembaga-lembaga ini adalah kepada Parlimen melalui pembentangan laporan tahunannya di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang menyedihkan kita ialah peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi Kerajaan ini telah terlalu banyak dipolitikkan sehingga mereka telah lupa tugas dan tanggungjawab mereka ialah untuk membangunkan masyarakat luar bandar, membangunkan golongan peneroka dan membangunkan golongan petani miskin. Tetapi oleh kerana agensi-agensi ini telah dipolitikkan, maka semuanya berjalan dalam keadaan yang sumbang.

Saya ingin menyentuh misalannya KADA di negeri Kelantan, bagaimana institusi yang seharusnya menjaga kepentingan petani-petani miskin di negeri Kelantan telah dipolitikkan. Pengerusinya yang tidak pernah sebelum daripada ini dilantik daripada orang politik telah diberi kuasa kepada orang politik. Barangkali kerana

hendak membalas jasa bekas Timbalan Menteri yang kalah dalam pertandingan pilihanraya. Apabila Pengerusi ini memegang jawatan di dalam KADA, langkah pertama yang dibuat oleh Lembaga itu ialah tidak mengiktiraf tiga orang wakil Kerajaan Negeri yang dilantik secara sah oleh Kerajaan Negeri untuk menduduki sebagai ahli Lembaga Pengarah. Mereka ini telah tidak diiktiraf, mereka ini tidak dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga. Barangkali kerana takut, jika mereka ini hadir dan bersuara dalam mesyuarat, kepentingan politik golongan ini akan terjejas. Oleh hal yang demikian, mereka telah mengambil tindakan melantik orang lain yang tidak ada tanggungjawab langsung, yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri. Sedangkan di dalam peruntukan KADA, jelas menunjukkan bahawa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4 menyebut:

“The Board shall consist of three representatives from the State authority;”

Ahli Lembaga mesti dan wajib mengandungi tiga orang wakil yang dipilih oleh Kerajaan Negeri untuk menduduki Lembaga Pengarah KADA. Pada pandangan saya, peruntukan ini adalah peruntukan wajib yang mesti dipatuhi oleh KADA dan jika mereka tidak melantik wakil yang dipilih oleh Kerajaan Negeri, maka Lembaga itu sendiri menjadi tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga apa yang berlaku dengan KESEDAR. Di dalam peraturan Akta KESEDAR, jelas menunjukkan bahawa tiga orang wakil daripada Kerajaan Negeri mesti menduduki Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR. Tetapi Pengerusi KESEDAR yang juga orang politik, kerana seperti dalam kes KADA tadi, barangkali kerana hendak menolong seorang ahli politik yang telah kalah di dalam pertandingan pilihanraya. Apabila mereka ini memegang jawatan,

wakil yang telah dipilih oleh Kerajaan Negeri secara sah, yang telah dinamakan kepada pihak KESEDAR, tetapi mereka ini tidak mengiktirafkannya, kemudian melantik orang lain yang tidak ada sangkut-paut dengan Kerajaan Negeri. Inilah yang saya katakan tadi agensi yang dipolitikkan.

Salah satu agensi lain ialah Lembaga Tembakau Negara (LTN) yang juga dipengerusikan oleh seorang ahli politik, bekas Ahli Parlimen dari Tanah Merah. Inilah strategi yang barangkali telah dibuat oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional untuk menolong pemimpin-pemimpin politik yang kalah di dalam pilihanraya lalu. LTN juga dipengerusikan oleh seorang bekas Ahli Parlimen yang kalah di dalam pilihanraya lalu. Dan apabila mereka memegang jawatan ini, sepatutnya menurut peruntukan di dalam Akta Lembaga Tembakau Negara, mesti mengandungi seorang wakil yang dipilih oleh Kerajaan Negeri, juga telah diketepikan.

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar suatu kekecohan yang telah berlaku di dalam suatu lagi agensi Kerajaan yang telah diamanahkan oleh Kerajaan untuk menjaga penglibatan kaum bumiputera di negara ini iaitu MARA. Saya berasa bangga kerana MARA telah ditubuhkan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera, untuk mendidik mereka supaya dapat mereka bersaing dengan bangsa-bangsa lain di negara ini.

Bagi saya kewujudan MARA ialah suatu badan yang secara langsung dapat membantu penglibatan bumiputera di dalam perdagangan dan perindustrian di negara ini dan peranan yang dimainkan oleh MARA tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Walaupun saya dari parti Pembangkang, saya menyanjung usaha-usaha yang dibuat oleh mereka ini. Tetapi saya terkejut

apabila mendengar laporan di dalam akhbar baru-baru ini, rupa-rupanya mereka yang telah diamanahkan untuk mentadbirkan wang bagi membantu bumiputera ini telah gagal melaksanakan tugasnya. Bagaimanakah sebuah institusi yang telah ditugaskan secara khusus oleh Akta Parlimen ini telah gagal menggunakan peruntukan wang berjumlah hampir \$900 juta dan disimpan di dalam suatu akaun, kononnya untuk mendapat faedah daripada Akaun Simpanan Tetap? Mengapakah wang ini tidak dibelanjakan? Dan baru-baru ini pula kita dengar suatu berita yang heboh, yang menyatakan bahawa Pengerusi MARA sekarang—malangnya sekarang ini Pengerusi MARA tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini—Pengerusi MARA telah menyalahgunakan kuasa.

Kemudian kita dengar pula penjelasan daripada Pengerusi MARA mengatakan beliau tidak bersalah—berita di dalam akhbar *Watan*. Kita sendiri pun tidak tahu di mana puncanya. Persoalan yang kita hendak tahu, siapakah yang bersalah. Pengerusi MARA atau Menteri Perusahaan Utama? Tetapi malangnya sekarang mereka tidak ada di sini.

Saya mendapat faham, Ketua Pengarah MARA yang terdahulu telah menggunakan peruntukan wang MARA berjumlah \$5.7 juta tanpa mendapat pengesahan daripada pihak Majlis. Ini juga merupakan suatu penyelewengan, dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan ada di dalam Dewan ini, "Ayuh", kita menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan bertindak. Kalau tidak, tidak ada guna beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Anti-Penyelewengan Negara. (*Tepuk*) Banyak lagi penyelewengan yang nampaknya sikap yang ditunjukkan oleh Menteri Kewangan adalah tegas. Saya adalah menyanjung sikap ini, kalau cakupnya itu dapat dilaksanakan.

Sebenarnya ketegasan-ketegasan seperti inilah yang kita carikan selama ini. Kita menyeru kepada Menteri Kewangan supaya bertindak jangan mengira bulu, jangan mengira kerana sokongan politik, menyokong kumpulan Yang Berhormat dan menyokong kumpulan yang lain maka mereka ini diberi layanan yang tidak sama rata. Sesiapa sahaja yang menyeleweng mesti dibawa ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah apabila kecaman yang begitu hebat diberikan kepada bekas Menteri Kewangan negara, seolah-olah bekas Menteri Kewangan, Yang Berhormat daripada Gua Musang ini langsung tidak ada jasa kepada negara. Saya sungguh sedih, bukan kerana saya menyokong Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh tetapi seolah-olah pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan hari ini langsung tidak menyanjung jasa yang telah dibuat oleh pemimpin ini sehingga ada satu suara lantang Menteri yang masuk daripada pintu belakang yang baru tiga hari menjadi Menteri sudah celupar mulutnya, mengatakan bahawa pembangunan dan kemunduran rakyat Kelantan ialah kerana Tengku Razaleigh, kononnya kerana Tengku Razaleighlah maka rakyat Negeri Kelantan menjadi mundur. Tuduhan melulu seperti ini adalah suatu tuduhan yang langsung tidak bertanggungjawab. Menteri ini baharu tiga hari duduk dalam Kabinet. Saya mencabar Menteri ini, kalau berani untuk menunjukkan pengaruh mengapa menjadi Timbalan Pengerusi Perhubungan Negeri Kelantan, ayuh! pegang jawatan Pengerusi Perhubungan dan kita tengok siapa yang berpengaruh di Kelantan. Dan saya sanggup mengikut daripada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, kalau dia hendak cabar saya sekalipun bertanding di mana-mana yang akan datang, saya sanggup mengikut ke mana-mana. Kalau hendak suruh bertanding di

Nilam Puri, kita akan berbincang dengan Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri untuk menunjukkan kekuatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan ini adalah penting, kerana seolah-olah jasa bekas Menteri Kewangan yang telah mentadbirkan kewangan negara ini dalam keadaan yang terpuji, langsung tidak diambil kira, seolah-olah kewujudan KESEDAR di Negeri Kelantan, pembangunan Negeri Kelantan selama 12 tahun Barisan Nasional memerintah Negeri Kelantan seolah-olah jasa Tengku Razaleigh satu pun tidak ada. Apabila pemimpin peringkat atas bercakap bahawa Menteri Kewangan ini menyalahgunakan kuasa, maka berteriaklah burung-burung tiung ini mengikut kata-kata yang diajar oleh pemimpin mereka. Yang menjadi hairan kepada kita, setiap kali pertandingan-pertandingan wujud di dalam negara ini, sama ada pertandingan tahun 1987, sama ada dalam pilihanraya lepas dan di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang baru lepas pun timbul lagi bahawa Menteri Kewangan ini menyalahgunakan kuasa.

Saya masih ingat di dalam sidang Belanjawan yang lepas, Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang telah menggesa di hadapan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri supaya mewujudkan satu Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyelesaikan masalah kes BMF, untuk membersihkan nama bukan sahaja nama Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang tetapi termasuk nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikait sama di dalam skandal ini. Tetapi sehingga kini tidak ada suatu jawapan yang tegas yang dibuat oleh pihak Kerajaan, sedangkan tiap-tiap kali ada perhimpunan, tiap-tiap kali ada perjumpaan maka nama Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang ini diseret sama.

Kita orang Melayu berperadaban Melayu tidak sepatutnya kita lakukan ini tambah-tambah lagi di dalam suasana Perhimpunan Agung yang dibuat oleh UMNO di Dewan PWTC baru-baru ini, saya sungguh sedih selaku seorang Melayu merasa malu untuk bercakap perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini, seolah-olah orang Melayu sudah hilang peradaban. Bagaimana Raja-raja Melayu telah dihentam begitu hebat di hadapan dan telah ditunjukkan siaran keseluruh negara. Barangkali Raja-raja Melayu tidak boleh bercakap untuk mempertahankan diri mereka, inilah satu suasana yang tidak adil. Kalau UMNO dibenarkan untuk membincangkan masalah Raja-raja Melayu di dalam tempat yang terbuka, disiarkan keseluruh negara, mengapa Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh bercakap untuk mempertahankan mereka kerana mereka juga adalah ramai yang tidak bersalah. Kita percaya tidak semua mereka ini terlibat tetapi malangnya ditempatkan yang tertinggi sekali seperti ini di dalam Dewan yang mulia seperti ini kita disekat daripada menggunakan nama-nama Sultan dan Yang di-Pertuan Agung untuk mempengaruhi Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau UMNO bersikap untuk terus menghentam Raja-raja Melayu di tempat yang terbuka, saya menggesa supaya Peraturan Dewan 36 Peraturan 7 supaya dipinda, supaya Dewan dan tempat yang tertinggi ini diberi kebenaran untuk membincang dan membahas feel, perangai dan tabiat Raja-raja Melayu di negara ini. Kita percaya tidak semua yang terlibat. Soalnya kalau mereka ini menyalahgunakan kuasa, siapa yang mengajar mereka ini, siapa yang memberi kemudahan kepada mereka. Kalau kita tidak beri, sudah tentu, kalau pemimpin politik dalam Barisan Nasional tahu, sudah tentu perkara ini tidak akan diperolehi oleh mereka.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau Tuan Yang di-Pertua memberi injury time kepada saya, saya benarkan, sebab banyak lagi point-point yang saya hendak sentuh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila teruskan, tiada injury time Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau tidak ada injury time, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sudah tentu kalau mereka ini mendapat kemudahan-kemudahan, siapa yang memberi layanan kepada mereka ini, bukankah pemimpin politik yang memberi layanan? Soalnya kalau pemimpin politik tidak memberi layanan, tidak memberi kemudahan, tetapi pemimpin kita juga yang memberi layanannya yang tidak sama rata, ada orang yang diberi sebanyak ini, orang yang ini tidak dapat. Ini yang menimbulkan masalah dan apabila mereka ini terlibat, gunakan pula suatu Perhimpunan Agung UMNO yang kononnya sebuah parti yang suci memperjuangkan Raja-raja Melayu, memperjuangkan nasib orang Melayu untuk menghentam mereka ini habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh kesal, perhimpunan yang sepatutnya digunakan sedemikian rupa tetapi telah digunakan melangkaui batas dan

peradaban kita orang-orang Melayu. Kalaulah mereka ini ada yang tidak kena, mengapa tidak boleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Kerajaan dan Ketua Negara memanggil satu meja perundingan untuk membincangkan masalah ini secara anak-beranak, menegur secara sopan-santun—kita orang-orang Melayu. Tetapi menggunakan majlis seperti ini untuk menghentam mereka ini adalah suatu ketidakadilan yang amat nyata. Ingatlah kita orang Melayu mempunyai peradaban Melayu, negara inipun sedikit sebanyak terhutang budi kerana kewujudan mereka ini. Kita tidak membela semuanya mereka ini, ada mereka yang memang benar terlibat tetapi kita hendak membuat secara pukal ini tidak boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sama juga keputusan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau ada injury time, saya benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Masa Ahli Yang Berhormat dalam UMNO, Yang Berhormat saya tengok di antara orang yang sama-sama menentang secara terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas hendak beri jalankah atau tidak?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau ada injury time, saya beri. Kalau tidak ada, saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau macam itu, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerana 25 minit terlalu singkat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat, masa berjalan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kerajaan baru-baru ini satu lagi isu. Isu yang telah dimainkan secara meluas di dalam akhbar-akhbar di negara ini iaitu pertembungan yang secara nyata di antara Majlis Peguam dengan pihak Kerajaan.

Saya tidak nampak bagaimana Menteri Kehakiman yang tidak ada di dalam Dewan ini, Menteri Kehakiman kalau tidak silap saya di dalam pertembungan tahun 1987, masa itu berada dalam Team B dan semasa Majlis Peguam membuat keputusan menyokong resolusi tahun 1988, Yang Berhormat Menteri Kehakiman, salah seorang yang berada dalam Dewan yang mengangkat dua belah tangan tetapi sekarang hendak jadi jaguh kononnya kerana mendapat jawatan selaku Menteri Kehakiman, sekarang ini untuk menjadi jaguh, membela di pihak Kerajaan. Sikap double standard seperti ini adalah seorang yang tidak bertanggungjawab bagi saya. Kalau tahun 1988 Majlis Peguam membuat resolusi, maka resolusi ini mesti dipertahankan, kerana apa yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam ialah jelas, bukan kita menentang Ketua Hakim Negara, bukan kita menentang pemecatan itu, kalau pemecatan itu dibuat secara sah. Apa yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam ialah mereka yang ada kepentingan tidak boleh duduk dalam Tribunal untuk mengadili suatu kes yang dia ada

kepentingan. Ini adalah suatu prinsip yang memang diterima oleh ramai, yang telah diterima oleh Sistem Kehakiman negara ini sejak sebelum merdeka, mengapa di dalam kes ini kita tidak mahu berpakat, kerana orang yang ada kepentingan tidak boleh mengadili kes yang dia ada kepentingan. Itu sahaja yang kita persoalkan. Kita terima Tun Hamid selaku Ketua Hakim Negara boleh, tidak ada masalah. Tetapi yang kita pentingkan ialah prinsip.

Tuan Yang di-Pertua, kerana dengan izin, "Justice must not only be done, it must seen to be done. "Inilah yang dipentingkan. Keadilan tidak sahaja perlu dilaksanakan tetapi ia mestilah nampak telah dilaksanakan.

Majlis Peguam telah menunjukkan sikap secara terbuka untuk membaiki suasana perhubungan antara pihak Kerajaan dan Majlis Peguam, tetapi malangnya di saat-saat mereka ini menunjukkan sikap untuk tunduk dan berkira dengan pihak Kerajaan, timbul pula kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghentam habis-habisan. Retak sekarang ini sudah menjadi belah. Apakah kita hendak melihat suatu lagi perpecahan? Saya nampak dengan isu yang dimainkan ini akan timbul satu lagi Majlis Peguam. Apa lagi yang kita hendak di dalam negara ini. Apakah kita hendak lihat perpecahan antara institusi ini berterusan. Baru ini Belia 4B pun jadi dua kumpulan; satu kumpulan Timbalan Menteri, satu kumpulan Presiden 4B—dua kumpulan sudah berpecah. Persatuan-persatuan sekerja sudah berpecah. Kehakiman sudah berpecah. Sekarang ini Majlis Peguam pula hendak menjadi dua. Satu-persatu setiap institusi asalkan mereka ini sedikit sahaja tidak menyukai pihak Kerajaan, habis dipecah dan dibelah. MARA pun hendak jadi dua pihak pula sekarang saya dengar.

Kita hendak memberi amaran kepada Pengerusi MARA sekarang, saya akan memberi sokongan 100% kepada Yang Berhormat Pengerusi MARA asalkan sahaja untuk menolong orang Melayu, ayuh, kita daripada Pembangkang akan menyokong 100%. Tetapi kalau saudara menyeleweng, minta maaf, tiada maaf bagi mu. Sekali lagi saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, tadi saudara daripada DAP menyenaraikan secara jelas satu-persatu.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Sikap saya sama seperti tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tak beri jalan?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau Tuan Yang di-Pertua memberi injury time kepada saya, saya berilah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah cakap tadi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:saya minta Tuan Yang di-Pertua beri injury time.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetap tidak.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini Yang

Berhormat Timbalan Menteri hendak mempertahankan diri, saya beri. Keadilan mesti diberi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini saya tahu dia hendak mempertahankan diri dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya di luar tadi. Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas membangkitkan berkenaan dengan pertandingan dalam 4B. Ahli Yang Berhormat sendiri sedar bahawa saya sendiri tidak berminat untuk bertanding sebagai Presiden 4B.

Sebenarnya saya pernah menawarkan Ahli Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu jawatan Naib Presiden I dan Naib Presiden II 4B dengan satu syarat. Sebenarnya pada masa itu saya tak boleh bertanding, oleh kerana pada masa itu had umur 45 tahun, saya tidak mahu bertanding dan sekarang pun saya sanggup tidak memegang jawatan. Tetapi yang kita buat di Perlis adalah untuk mengembalikan demokrasi kepada 4B. 4B tidak mengadakan pemilihan sejak tahun 1984, sepatutnya pemilihan diadakan pada tahun 1987 tetapi oleh kerana Presiden 4B tidak boleh bertanding, kita tidak bertanding sehingga tahun 1991.

Dalam akhbar kalau kita baca, 5 negeri hadir dalam Mesyuarat Agung 4B Kebangsaan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:Johor baru dipulihkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau hendak minta penjelasan, sebutkan ya!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau hendak bela diri, sedikit-sedikit bolehlah, kalau tidak kasihan kepada saya pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Jadi apa soalan yang hendak dibangkitkan tadi?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas hadir di mesyuarat agung di Perlis. Beliau sedar siapa yang hadir dalam mesyuarat agung yang diadakan di mana Dato' Haji Suhaimi dipilih sebagai Presiden dan siapa yang hadir dalam mesyuarat agung yang saya dipilih sebagai Presiden.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dalam ucapan saya tadi, saya tidak pernah mempertikaikan Yang Berhormat sahkah menjadi Presiden atau bekas Yang Berhormat dari Sepang, Yang Berbahagia Dato' Suhaimikah sah. Saya memperkatakan pokoknya 4B sudah pecah dua. Itu yang saya katakan. Fahamkan betul ucapan saya itu. Apakah kita hendak supaya perkara seperti ini terus berlaku dalam negara kita? Ini yang jadi sekarang. Soal siapa, saya tak timbulkan. Kalau hendak, itu bukan di dalam Dewan ini untuk menentukan. Kita tentukan di mahkamah, siapa yang menang. Kita

tentukan supaya mahkamah buat keputusan. Sama ada Yang Timbalan Menteri jadi Pengerusi atau Yang Berbahagia Dato' Suhaimi jadi Pengerusi, itu kita tentukan di mahkamah nanti. Itu cara yang sah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung. Masa hampir cukup.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kami daripada parti Pembangkang hampir setiap tahun dan setiap ucapan kita telah mengkritik secara keras dan nyata bahawa undang-undang yang mencabuli hak kebebasan asasi manusia mesti dihapuskan di negara ini. Bukan sekali kami ulang, tetapi banyak kali. Akta ISA adalah satu Akta yang secara jelas dan nyata menentang dan menafikan hak kebebasan asasi manusia. Kami menentang Akta-akta seperti ini kerana ternyata akan terdapat suatu unsur di mana akan wujud satu suasana was-was bahawa pihak yang menjalankan kuasa ini telah menyalahgunakan kuasa. Terbukti dengan jelas baru-baru ini menjelang pilihanraya Sarawak bagaimana kuasa Ketua Menteri di bawah Akta Imigresen telah disalahgunakan.

Saya tidak mempersoalkan sama ada Ketua Menteri Sarawak mempunyai kuasa untuk menghalang mana-mana warganegara memasuki negeri Sarawak, memang peruntukan itu ada di bawah Akta Imigresen yang berkenaan. Tetapi yang saya persoalkan, mengapa Menteri berkenaan telah bertindak menggunakan kuasa di bawah Seksyen 58, Akta Imigresen menghalang wakil rakyat, warganegara daripada parti Pembangkang yang secara sah dan tidak bertentangan dengan undang-undang untuk berkempen di negeri Sarawak. Bukankah ini suatu bukti nyata penyalahgunaan kuasa? Bagaimana kita

di dalam negara ini, kita tidak boleh menerima logik bagaimana seorang warganegara, seorang Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat duduk di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi dinafikan haknya untuk masuk ke sebuah negeri yang menjadi sebahagian daripada Malaysia. (*Tepuk*) Ini yang kita persoalkan. Soal.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya gulung, sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran yang saya buat tadi adalah dengan ikhlas, terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang begitu lantang, begitu tegas dan berkali-kali telah membuat ulangan akan bertindak tegas untuk membasmi penyelewengan. Ayuh! kita menyeru kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, teruskan usaha ini dan kita walaupun dari Pembangkang akan tetap, tetapi kita meminta jangan memilih bulu. Sesiapa sahaja yang bersalah, mesti dibawa ke muka pengadilan supaya rakyat dapat melihat dengan jelas dan nyata ketegasan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Muar.

4.37 ptg.

Tuan Abdul Malek Munip (Muar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap ini untuk menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan Malaysia kita yang baru. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang baru sahaja dimandatkan dengan tugas barunya, tetapi telah memperlihatkan keupayaan

menyajikan Belanjawan yang saya kira seimbang, adil dan berani dan nampaknya telah dilapohkan pertamanya kepada prinsip memperkukuhkan ketahanan ekonomi Malaysia.

Belanjawan ini adalah merangkumi seluruh aspek penghidupan kita dan penelitian yang ikhlas dan jujur tidak dapat tiada akan merujuk kepada beberapa masalah pokok yang kita hadapi sekarang. Setengah daripada masalah ini, secara ironis telah timbul kesan daripada kejayaan kita mengendalikan ekonomi negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini hingga ada yang berpendapat bahawa dari satu segi Belanjawan ini lebih merupakan strategi untuk mengendalikan kejayaan atau, dengan izin, strategy to manage success. Umpamanya pertumbuhan ekonomi yang stabil lebih dari 8% tiap-tiap tahun dikatakan telah melahirkan gelagat masyarakat pengguna yang bertambah tinggi selera konsumsinya dan menjejaskan tabiat tabungan masyarakat. Di samping itu pula, keadaan buruh yang bertambah ketat memberi kesan kepada pertambahan tuntutan gaji dan kos pembayaran dan ini mempunyai kesan ke atas harga dan inflasi.

Begitu juga kita berhadapan dengan masalah imbalan pembayaran, kesan daripada kemasukan barang-barang modal, dengan izin, intermediate items yang menyebabkan kemasukan modal asing mempunyai kaitan yang amat minimal dengan ekonomi tempatan kita. Juga kita berhadapan dengan masalah jangka panjang dalam bidang pembayaran perkhidmatan, seperti perkapalan, insurans, kos belajar di luar negeri, konsultansi dan masalah peringkat R&D (penyelidikan dan pembangunan) kita yang masih rendah yang menyebabkan kita terlalu banyak bergantung semata-mata kepada teknologi asing.

Begitu juga jika dibandingkan dengan ekonomi negeri-negeri yang maju seperti Korea atau Jepun, negara kita masih mengalami vacuum, atau semacam kegersangan dalam lapisan ekonomi kita, yakni kurangnya industri-industri kecil dan sederhana yang berkaitan rapat dengan industri-industri yang besar dan berat.

Dalam rangka kepelbagaian masalah dan cabaran ekonomi seperti ini, kita mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan kita yang telah menzahirkan sikap yang tegas di samping menerokai usaha-usaha baru ke arah pembangunan nasional ekonomi kita, iaitu seperti dalam ketegasan beliau memansuhkan pengecualian cukai perintis ke atas kompeni-kompeni baru, tetapi berusaha pula mengasaskan PUNB dan menggalakkan venture capitalism.

Di samping itu, di luar dari hal-hal ekonomi yang khusus, beliau telah memberi penekanan yang memberangsangkan dalam pembinaan budaya, kesedaran sejarah, kegiatan intelektual dan kreatif yang menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat yang beradab dan berilmu.

Sehubungan dengan ini, adalah wajar untuk memberi apresiasi khas tentang usaha beliau memperuntukkan \$5 juta sebagai asas permulaan menterjemahkan secara yang serius khazanah ilmu dan karya-karya intelektual dan kreatif ke dalam Bahasa Malaysia kita. Sesungguhnya, sekiranya diinsafi akan betapa perlunya menggerakkan secara besar-besaran usaha membina khazanah ilmu dalam bahasa kita seperti yang dilakukan oleh bangsa Jepun, saya yakin peruntukan ini akan ditambah pada tahun hadapan sekurang-kurangnya kepada \$50 juta. Kita perlu mempunyai crash programme yang bersifat raksasa untuk menampung keperluan dalam perkembangan bahasa kita dalam

semua bidang ilmu dan seni, iaitu satu-satunya jaminan akan tercapainya Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, penggaluran ringkas di atas mempamerkan kepada kita sebahagian sahaja daripada keluasan skop dan bidang kegiatan kehidupan ekonomi dan sosial yang disentuh dan boleh dimanfaatkan kepada kita daripada pembentangan Belanjawan itu. Namun demikian, dalam keghairahan pihak Ketua Pembangkang membuat kritikan, kita telah disogokkan dengan hujah-hujah yang dengkil yang mempamerkan sikap yang bercanggah dengan keikhlasan dan kejujuran. Umpamanya, dalam usaha merendahkan mutu pengurusan ekonomi negara beberapa negara serantau telah dijadikan perbandingan dengan memilih angka-angka kasar mengenai kadar pertumbuhan ekonomi tanpa memperhitungkan, tanpa memperdulikan atau sengaja menggelapkan faktor-faktor asas yang membezakan antara satu sama lain. Kita cuba dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi Singapura.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap, Kepong bangun.

Tuan Abdul Malek Munip: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Abdul Malek Munip: Kita cuba dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi Singapura dalam beberapa dekad ini, ataupun Korea, ataupun Jepun, iaitu negara-negara yang dikatakan mempunyai pengurusan ekonomi yang tinggi sedangkan tidak mempunyai sumber ekonomi semulajadi yang banyak. Namun,

apabila diteliti dengan halus, kita akan berhadapan dengan beberapa faktor asas yang menjadikan perbandingan relatif itu sesuatu yang tidak munasabah atau tidak adil, atau barangkali juga ketidakadilan dalam menghujah adalah ciri asas mereka menonjolkan Singapura sebagai perbandingan umpamanya, seolah-olah melupakan hakikat bahawa pulau itu adalah pewaris kepada lebih 100 tahun usaha penjajah menjadikannya pusat dagang, pusat kewangan rantau kita, asas yang kukuh yang dibina lebih 100 tahun sebelum kelahiran Perdana Menteri Singapura yang pertama.

Lebih dari itu, membandingkan kejayaan pulau sebesar Petaling Jaya itu dengan Malaysia hampir serupa dengan membandingkan kejayaan wilayah kecil Monaco dengan negara Perancis yang besar. Begitu pula halnya dengan Jepun yang mula melangkah ke alam negara maju sejak zaman Meiji restoration dan sudah pun menjadi sebuah kuasa dunia sebelum perang dunia lagi. Kita juga cuba dialpakan dari hakikat bahawa hampir semua negara-negara itu adalah negara-negara yang homogeneous penduduknya dan dalam banyak hal negara yang pernah mempamerkan pemerintahan kuku besi terutama dalam peringkat awal proses memantapkan pertumbuhan ekonomi mereka.

Saya khawatir bahawa mungkin juga pemerintahan seperti ini yang diidamkan oleh parti Pembangkang memandangkan bahawa terdapat dalam parti itu watak yang sering mirip kepada tindak-tanduk seorang dictator. Dalam pada itu pula, setengah daripada negara-negara yang disebutkan itu, seperti Jepun dan Korea, pernah menikmati bantuan yang beribu-ribu juta dollar Amerika hingga mereka tidak terpaksa menanggung beban belanja pertahanan dan boleh menumpukan segala-galanya dalam bidang membangunkan ekonomi.

Sesungguhnya, jika diteliti dengan halus, perbandingan-perbandingan yang diberikan dalam hujah-hujah parti Pembangkang itu tidak ada mempunyai erti apa-apa, apatah lagi apabila disedari bahawa di negara kita pembangunan ekonomi tidaklah semata-mata untuk matlamat ekonomi atau, dengan izin, not economic *per se*. Kita bukan sebuah negara yang secara relatif mempunyai penduduk yang homogeneous. Lebih malang lagi, kita mewarisi sistem dan bentuk ekonomi kolonial yang telah dirancang hampir 100 tahun yang memisahkan dan memetak-metakkan kaum-kaum tertentu ke dalam peranan-peranan ekonomi yang tertentu yang disesuaikan dengan dasar pecah dan perintah dan kerana itu selama hampir 100 tahun masyarakat bumiputera misalnya, masyarakat yang terbesar di negara kita hampir tersisih sama sekali, hampir terpinggir seluruhnya atau, dengan izin, almost completely marginalised dari arus perdana pembangunan ekonomi negaranya sendiri.

Di negara kita pula yang mengamalkan sistem demokrasi, pemerintah kita dengan penuh rasa tanggungjawab cuba membangunkan ekonomi yang adil, ekonomi yang saksama, ekonomi yang dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat jelata. Kita cuba membina national economy dan bukan melanjutkan ekonomi kolonial yang diwarisi. Kita cuba memecahkan belenggu pemisahan ekonomi dan sosial yang diwarisi dan membina perkongsian ekonomi yang lebih adil.

Pemerintah kita mempunyai kebijaksanaan, tidak mudah terperangkap dengan kata-kata "siapa cepat dia dapat" yang tidak berbeza dari ungkapan kata "siapa kuat, dia dapat", iaitu undang-undang yang dipakai oleh binatang liar di hutan, sekalipun ungkapan kata-kata ini berselindung di sebalik tabir hak sama rata.

Sebagai pemerintah masyarakat yang beradab, masyarakat yang civilized, kita berpegang kepada prinsip "yang lemah ditolong dan yang miskin dibantu", iaitu inti kepada perinsip melahirkan keadilan dalam semua bidang, dengan izin, keadilan dalam accessibility to opportunities.

Dalam rangka seperti ini, pencapaian kejayaan usaha ke arah memajukan ekonomi Malaysia yang benar-benar bersifat nasional adalah bukan alang-kepalang. Dalam dua dekad umpamanya, pencapaian bumiputera dikatakan berpuluh kali ganda dan ini dilakukan tanpa menjejaskan kesejahteraan ekonomi bukan bumiputera yang terus-menerus maju. Sesungguhnya, satu perbandingan yang agak munasabah antara Malaysia dengan negara serantau hanya dapat diandaikan dari scenario yang bersifat fiksyen seperti ini, iaitu gambarkanlah kalau misalnya negara Jepun itu mempunyai penduduknya hampir 50% orang Korea dan China dan mempunyai parti politik yang menentang orang Jepun sebagai bumiputera negara Jepun, kita kurang pasti sama ada mereka boleh mewujudkan kestabilan politik, apatah lagi membangunkan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Belanjawan kali ini telah memperakukan pada awal-awal lagi bahawa ianya telah dirancang sebagai strategi untuk memenuhi hasrat yang terkandung dalam Wawasan 2020. Ini adalah selaras dengan rancangan dan dasar-dasar utama negara seperti Rancangan Malaysia Keenam dan Dasar Pembangunan Nasional. Oleh kerana itu, izinkan saya menggalurkan secara ringkas scenario di negara kita sebagai latarbelakang kepada pembukaan tirai pembangunan dekad 90an dan hubungkaitnya dengan Wawasan 2020.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pelbagai rancangan dan peristiwa penting telah ditaja dan dilakukan, iaitu dari saat mewujudkan suasana ekonomi yang liberal, diikuti dengan gagasan penswastan dan Malaysia Incorporation, penggalakan penanaman modal secara besar-besaran, mewujudkan Tahun Melawat Malaysia dan mengadakan berbagai-bagai kegiatan sukan dan persidangan antarabangsa.

Semuanya ini semacam telah dirancang atau diorkestrated untuk melahirkan national mood di kalangan rakyat, iaitu national mood yang terbuka luas dan membina national psychology yang berkeyakinan atau, dengan izin, to develope confidence national psychology yang mampu dan bersedia menghadapi cabaran dan persaingan hari muka. Semuanya masalah menjadi latarbelakang kepada pembukaan tirai pembangunan dekad 90an. Namun dalam keghairahan menyahut cabaran hari muka, cabaran untuk membawa pembangunan kemajuan negara kita ada di antara para pelaksana semacam berada dan terperangkap di dua persimpangan jalan. Yang pertama menyiapkan, menyediakan dan menyesuaikan diri semata-mata untuk pembangunan, atau yang kedua, memilih dan menyesuaikan pembangunan untuk diri kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencari gambaran atau ilustrasi mengenai dua perkara ini, barangkali kita boleh melihatnya sendiri di persekitaran Kuala Lumpur iaitu Ibu Kota yang berada di tengah-tengah kancuh pembangunan. Di sini kita ingin merakamkan tahniah kepada pucuk pimpinan yang mengambil berat menerokai usaha membina dan memulihkan semula Kuala Lumpur, iaitu dari sebuah bandar kolonial yang penuh dengan sifat rojaknya, perlahan-lahan berubah wajah menjadi sebuah bandar nasional, bandar Ibu Kota sebuah negara merdeka yang indah,

bersih dan berperibadi. Harus ditekankan di sini bahawa tidak semua warisan kolonial itu buruk semata-mata. Dan kerana itulah terdapatnya unsur pemilihan atau selectivity dalam proses membaikpulih bangunan di persekitaran Kuala Lumpur. Sesungguhnya, kalau kita berjalan dari hadapan Muzium Negara, belok ke kawasan Pusat Islam, lalu di hadapan Dataran Merdeka, singgah di Mesjid Jame' dan balik semula masuk ke kawasan Lake Garden, seluruh kawasan itu menjadi semacam zon budaya atau cultural zone yang mempunyai suasana yang agak cocok dengan usaha memupuk keperibadian bangsa kita yang boleh dibanggakan. Namun demikian, sejak kebelakangan ini cogan kata 'Kepimpinan Melalui Teladan' semacam dilupakan. Terdapat setengah para birokrat kita yang dalam keghairahan membangun telah membelakangkan prinsip keperluan membina imej keperibadian kita. Maka dalam usaha membina Kuala Lumpur menjadi bandaraya antarabangsa atau international city, unsur-unsur luaran terutama dari Barat mula menyelip dan memperkuasa landscape budaya kita. Bukan sahaja nama bangunan dan kondominium baru dirojakkan dengan nama-nama Barat, bahkan nama-nama asal juga cuba dibaratkan.

Satu contoh yang amat menjolok mata ialah 'Bukit' atau 'Puncak' atau 'Gunung Kiara' yang telah dengan bangganya diubah, barangkali oleh Bandaraya menjadi 'Mount Kiara'. Kita harus sedar bahawa tarikan kepada bandar-bandar international yang masyhur di dunia ialah kerana sifat-sifatnya yang tersendiri dan unik. Kita ingin melihat Paris kerana keperibadian Perancisnya, atau melihat London kerana sifat Inggerisnya. Begitu juga orang mahu melihat Kuala Lumpur kerana keperibadian Malaysia yang tersendiri. Kita kurang pasti atas perhitungan apakah perkara itu berlaku, iaitu sama ada kerana perhitungan komersial, maka kita sanggup

menggadaikan imej keperibadian kita atau seperti kata Yang Berhormat wakil dari Pasir Mas tidak lama dahulu, mungkin untuk mencari nama-nama yang seksi. Dan kalau nama-nama yang seksi menjadi perhitungan, saya rasa tidak ada kurangnya di tanahair kita. Bahkan dalam tradisi kita, kita mempunyai sikap yang amat terbuka, tidak pernah melihat nama-nama yang dianggap seksi itu sebagai suatu yang kotor atau jijik.

Izinkan saya di sini memetik satu rangkap sajak yang telah digubah untuk menarik pelancong terutamanya dari Timur Tengah melawat negara kita. Nama sajak ini 'Melawat Malaysia'.

Bermandi-manda di Pantai Cinta
Berahi;
Singgah bermalam di Janda Baik;
Pergi menggambara di Menggatal;
Mencari ubat di Batu Berendam;
Memejamkan mata di Kampung
Bantah;
Rasa selesa di Batang Berjuntai;
Dan akhirnya, merebahkan diri di
Pasir Mas.

Sesungguhnya nama-nama yang terkandung dalam sajak ini amatlah menarik dan boleh membuka imaginasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut hal-hal budaya, hal mengenai imej ini agak panjang kerana ingin memaparkan dimensi budaya kepada Gagasan 2020 dan memberi fokus khusus kepada usaha mencari penyelesaian sosio-ekonomi dalam pembangunan bangsa Malaysia kita.

Sekiranya kita amat-amati cita-cita Perdana Menteri kita mewujudkan perpaduan yang lebih mantap di kalangan kepelbagaian masyarakat kita, kita dapat mengiktibarkan bahawa gagasan beliau itu pada akhirnya ini dilabuhkan kepada matlamat membina bangsa Malaysia. Dan cita-cita ini dilengkapi pula

dengan proses pembangunan sosio-ekonomi yang pantas di samping mendidik dan menerapkan nilai-nilai etika yang tinggi di kalangan masyarakat. Semuanya ini pada hakikatnya adalah rempah-ratus asas atau dengan izin, the basic ingredient dalam pertumbuhan sebuah tamadun manusia. Tetapi pertumbuhan sebuah tamadun bangsa itu wajib dan perlu berkembang seiring dengan pertumbuhan bangsa atau nationhood yang mantap dan besatupadu. Dan setiap kelompok manusia dapat dikenali sebagai satu bangsa itu, sebagai satu kelompok yang berbeza daripada kelompok yang lain semata-mata kerana memaparkan watak kebangsaannya, personality kebangsaannya yang berbeza. Maka watak dan personality kebangsaan inilah yang lazim dirujuk sebagai identiti sesuatu bangsa. Kerana itulah, suatu bangsa yang tidak beridentiti atau bangsa yang tidak mempunyai keperibadian tidak akan mempunyai ketahanan atau resilience untuk membina satu tamadun. Masyarakat seperti ini mungkin maju dari segi ekonomi dan industrinya, tetapi mundur dari segi tamadunnya atau peradabannya atau dari segi akhlakanya. Kerana itulah akhirnya cita-cita membina bangsa yang berperibadi menjadi cita-cita yang keramat, cita-cita yang sacred dalam perjuangan mana-mana bangsa di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka seperti inilah, iaitu dalam rangka membina bangsa yang berperibadi, kita harus sama-sama menilai perkembangan di persekitaran kita, kerana setiap nama jalan, setiap nama bukit, setiap nama bangunan, setiap kata yang diungkapkan setiap bentuk architecture yang diilhamkan, semuanya ini akan melahirkan suasana budaya dengan landscape budaya atau, dengan izin, cultural landscape yang akan mencerminkan personality atau keperibadian suatu bangsa. Dan lebih penting lagi nilai erti keperibadian

bangsa di sisi bangsa itu sendiri. Harus diinsafi sejauhmana sesuatu bangsa itu memberi nilai kepada keberibadiannya sendiri, sekaligus mencerminkan harga diri dan maruah bangsa itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu unsur yang amat penting dalam pembinaan suatu bangsa yang berperibadi ialah bahasa, iaitu alat maha penting dalam pengucapan sesuatu masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Abdul Malek Munip: Saya rasa sakit tekak, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih, terpaksa berhenti. Tekak saya tersangkut. (*Ketawa*). Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Selangau.

5.02 ptg.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan Negara bagi tahun 1992, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pada 1hb November yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah menyatakan bahawa Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi cabaran-cabaran strategik, dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Justeru itu, strategi Belanjawan ini dan langkah-langkah yang diambil cuba memenuhi keperluan dan tuntutan Dasar Pembangunan Negara (DPN) dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6), kerana dasar itu adalah langkah pertama ke arah mencapai matlamat Wawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan sewajarnya harus diberikan terhadap isu-isu ekonomi semasa dan persoalan structure untuk mengukuhkan asas ekonomi dalam jangka masa sederhana, dan seterusnya membina ketahanan ekonomi bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang bijaksana untuk merangka dan mengurus Belanjawan 1992 ini, dengan langkah-langkah tegas dan berani bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan negara kita pada masa yang akan datang.

Kita tahu dan sedia maklum bahawa persoalan ekonomi yang kita hadapi dalam dekad-dekad yang akan datang semakin mencabar dan rumit. Walaupun demikian, kita berharap agar kita masih mampu mempertahankan diri untuk meneruskan agenda membela nasib golongan miskin, mengawal keruntuhan akhlak, sosio-norma mudamudi kita di negara ini supaya semua rakyat dapat memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan harga barangan yang stabil, mengukuhkan imbalan pembayaran, memupuk sikap cermat dan berhemat bagi menggalakan tabungan dan mengukuhkan ketahanan ekonomi di negara kita dan juga mewujudkan masyarakat yang penyayang, bertanggungjawab di atas semua bidang dan aspek kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan juga di atas cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan kita agar Duty Stamp ke atas Bil Pertukaran, Bil Muatan, Resit dan Suratcara Pindahmilik bagi tandaniaga dan hakcipta telah dimansuhkan, serta Suratcara Pindahmilik bagi rumah kos rendah diturunkan dari jumlah maksimum \$320 kepada tidak melebihi \$100 untuk pembelian rumah yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan wang perbelanjaan pada tahun 1992 ini, Kerajaan telah mencadangkan peruntukan \$45.447 bilion dan dari jumlah ini sebanyak \$33.95 bilion adalah untuk Perbelanjaan Mengurus, manakala \$11.522 bilion adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$2.9 billion bagi pembangunan tunggakan dan bantuan kewangan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan gaji baru.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bantuan Kerajaan kepada Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 1991, pemberian Kerajaan Persekutuan pada peringkat Negeri dijangka berjumlah \$1.3 billion. Kami bagi pihak rakyat Malaysia yang tinggal di Sarawak memohon bahawa pemberian itu dibahagi dengan adil dan saksama, serta kami juga memohon lebih banyak lagi peruntukan diberi kepada Negeri Sarawak, memandangkan Sarawak ketinggalan dalam semua bidang kemajuan.

Berkenaan dengan Kementerian Pendidikan, sejajar dengan konteks masyarakat penyayang, Kerajaan dengan sedaya-upayanya untuk menghapuskan buta huruf di kalangan rakyat jelata, untuk meningkatkan peluang dan kemudahan pendidikan kepada seluruh rakyat. Sebanyak \$1.26 bilion disediakan untuk langkah reformasi pendidikan untuk mengadakan kemudahan pra-sekolah bagi kanak-kanak, dan juga meneruskan penekanan bagi Pendidikan Teknik dan Vokasional dan memperkenalkan pendidikan menggunakan komputer, sebanyak \$151 juta bagi Pembangunan Pendidikan Vokasional dan Teknikal serta \$553 juta bagi Projek Pembangunan Universiti. Dari jumlah tersebut kami rakyat yang tinggal di Negeri Sarawak mengharapkan selama

ini dan supaya permohonan bagi Negeri Sarawak untuk menubuhkan universiti yang penuh akan ditunaikan tidak lama lagi, mengikut janji-janji Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Pilihanraya Umum yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kebanyakan sekolah rendah dan sekolah menengah di luar bandar di negeri Sarawak masih dalam keadaan yang tidak memuaskan, maka oleh yang demikian, kami memohon beberapa buah sekolah di kawasan saya P.174 Selangau akan dibina atau dibaikpulih, renovation, dengan izin, seperti:

- (i) Sekolah Rendah Datar Ulu Kakus;
- (ii) Sekolah Rendah Sidang dan SRJK Ng Tau, Anap;
- (iii) Sekolah Rendah Kesting Lubuk Kubong, Kakus dan daerah Tatau;
- (iv) Sekolah Rendah Ng Kua, Mukah/SRB (Cina) Selangau;
- (v) Sekolah Rendah Pelugau, Bellingian; dan
- (vi) Beberapa buah sekolah dalam kawasan Ladang LKTS Balingian, seperti SRK Ladang 1, SRK Ladang 4, Sg. Puan, Balingian.

Berkenaan dengan Skim Tanggagaji Perkhidmatan Guru (Two Tier Scheme) ini, saya telah menerima banyak aduan daripada guru-guru, lebih-lebih lagi guru-guru dalam B1 (SRP) dan Guru-guru Besar di Sekolah Rendah yang mempunyai SPM tanpa Kredit dalam Bahasa Malaysia tidak dapat dinaikkan pangkat kepada scale C8.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak guru, saya memohon kepada Kementerian Pendidikan menimbangkan semula agar guru SRP pangkat B1, dan guru SPM tanpa Kepujian Bahasa

Malaysia hendaklah dinaikkan ke scale C8 secara otomatis tanpa dikehendaki mengambil peperiksaan SPM, dengan Kepujian Bahasa Malaysia atau tanpa menunggu umur mereka sampai ke 50 tahun untuk dinaikkan pangkat kepada scale C8.

Saya telah diberitahu lebih kurang 11,000 guru diseluruh negara, guru B1 tidak mendapat faedah sama sekali dari skim ini. Saya mendapat tahu kebanyakan mereka ini bekas Guru Besar yang telah diturunkan pangkat kerana tidak layak. Adalah wajar bagi tiap-tiap guru diberi keistimewaan yang sama dalam skim ini memandangkan bahawa tanggungjawab seorang guru itu akan sama dipikul dalam menjalankan tugas harian mereka.

Saya cadangkan bahawa kemudahan kedudukan Guru Besar sama ada di peringkat Sekolah Menengah atau Sekolah Menengah di Negeri Sarawak masih terus dikekalkan hingga mereka bersara.

Tuan Yang di-Pertua, saya men-cadangkan bahawa Kementerian Pendidikan melonggarkan syarat bagi calon-calon dari Sarawak, Sabah iaitu bahawa mereka yang lulus SPM, Pangkat III dengan Kepujian Bahasa Malaysia dapat diberi peluang memasuki Maktab Perguruan di Sarawak atau Sabah, sebab Sarawak dan Sabah masih berkurangan guru yang terlatih, lebih-lebih lagi guru di sekolah rendah di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan buku teks bahasa Iban saya telah menerima aduan daripada beberapa orang guru yang telah mengajar bahasa Iban bahawa buku teks tersebut belum mencukupi. Saya hendak bertanya dengan Kementerian Pendidikan sama ada Kementerian telah mengagihkan peruntukan bagi buku teks tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kesihatan. Kementerian Kesihatan akan terus memberi penekanan kepada peningkatan perkhidmatan kesihatan untuk kesejahteraan hidup rakyat. Jadi, sebanyak \$689 juta akan disediakan untuk pembinaan 36 buah hospital dan juga Institusi Jantung Negara dan 18 buah Klinik Desa baru di seluruh negara.

Saya rasa, jumlah ini mungkin tidak mencukupi sebab hospital dan klinik desa di luar bandar masih agak berkurangan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar di negeri Sarawak. Jadi, saya minta supaya peruntukan itu ditambahkan lagi pada tahun yang akan datang.

Di kawasan saya, Selangau banyak permohonan untuk pembinaan hospital dan klinik desa balum lagi dapat diluluskan. Maka dengan ini, saya harap lebih banyak lagi hospital dan klinik desa akan dibina di kawasan Selangau seperti klinik berikut, Klinik Desa Datar Kakus dan juga Klinik Desa Penyarai dan juga Klinik Desa Muput, Ulu Anap di kawasan luar bandar di dalam daerah Tatau dan hospital Pekan Selangau Daerah Mukah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang berjumlah \$11.5 bilion sahaja untuk dibahagikan ke seluruh negara, memang tidak mencukupi. Peruntukan \$11.5 bilion yang dibahagikan untuk seluruh negara untuk infrastruktur atau projek pertanian, perindustrian serta penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya serta bekalan elektrik patut juga ditambahkan sebab kebanyakan tempat-tempat di kawasan luar bandar di Sarawak masih mundur dan ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang sektor pertanian, berkenaan dengan kemajuan pertanian, kami memohon agar banyak lagi Projek Pertanian Kampung Contoh

Bersepadu seperti Projek Kampung Contoh Pertanian dapat dilaksanakan di luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab duti import ke atas lada dan koko tidak ada lagi, kami berharap Kerajaan dapat menyelidik dan mengkaji semula supaya harga koko, lada dan getah dapat distabilkan dengan harga yang tinggi dan berpatutan supaya dapat meningkatkan hidup petani kita, lebih-lebih lagi petani-petani yang di kawasan luar bandar serta minta bahawa harga baja dan racun serangga patut diturunkan kerana petani kita tidak mampu membeli baja/racun yang mahal.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkhidmatan penerangan yang kini berhadapan dengan ledakan maklumat perkhidmatan penerangan perlu mengambil dimensi yang baru. Jadi, untuk memastikan rakyat jelata memahami dan menyertai program-program pembangunan, saya mencadangkan Kerajaan patutlah mempertimbangkan lagi iaitu menyediakan infrastruktur komunikasi dan menambahkan liputan televisyen dan radio terutama sekali di kawasan luar bandar. Maka dengan ini, saya harap permohonan siaran tambahan bagi program TV bahasa Iban bagi Dayak Iban di Sarawak dan kaum Kadazan di Sabah patut dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk mencapai hasrat Wawasan 2020 dan integrasi nasional dapat dipercepatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bantuan golongan fakir atau orang miskin, \$600 juta telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Bagi tahun 1992, peruntukan disediakan sebanyak \$128 juta untuk pemberian pinjaman tanpa faedah kepada golongan masyarakat yang miskin melalui Projek Amanah Ikhtiar. Kami rakyat Malaysia yang tinggal di

Sarawak mahu peruntukan tersebut dibahagikan sesama dan adil bagi orang yang miskin di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemulihan alam sekitar, iaitu pemeliharaan ecology and environment, dengan izin, yang bersih dan sihat bagi semua rakyat di negara ini. Oleh yang demikian, kami berharap satu koordinasi yang baik dibuat oleh Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Sarawak supaya sistem pembalakan lebih terkawal dan lebih sistematik termasuk bagi mengawal aktiviti-aktiviti pembalakan yang haram sama ada di Sarawak atau di mana-mana sahaja di seluruh negara.

Kita berharap, Kerajaan patutlah mengambil tindakan yang tegas terhadap pembalakan yang tidak bertanggungjawab supaya sistem pembalakan negara kita ini lebih terkawal dan terancang. Misalnya di negeri Sarawak, air sungai adalah keruh disebabkan sistem pembalakan yang dijalankan oleh Kerajaan tidak terancang dan sistematik. Saya mencadangkan, jika pembalakan dijalankan juga menerusi tanah NCR atau tanah Bumiputera atau sesiapa pun tuannya tanah, pampasan yang berpatutan dan adil patut dibayar kepada tuannya tanah itu untuk mengelakkan blockage dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pendaftaran Negara, kami rakyat di Sarawak merayu kepada Kementerian berkenaan supaya memberi kuasa kepada pegawai tersebut untuk melicinkan tugas mereka supaya proses meluluskan surat beranak di Sarawak dapat diluluskan bukan sahaja di Ibu Pejabat, di Kuching tetapi juga diproses dan diluluskan di peringkat Pejabat Pendaftaran Bahagian atau lebih baik kalau dapat diluluskan untuk diproses di peringkat daerah supaya masalah surat beranak ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertukaran kad pengenalan yang lama kepada kad pengenalan yang baru. Kami harap perkara ini dapat dibuat atau diproses dengan licin dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tentang perkara ini iaitu pertukaran kad lama kepada kad baru. Bagaimanakah kedudukan orang yang mempunyai kad pengenalan yang lama tetapi tidak ada surat beranak? Adakah mereka ini boleh menukar kad pengenalan lama kepada kad pengenalan yang baru?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan pembinaan dan penurapan jalan raya di Sarawak. Kita sedia maklum bahawa kemajuan infrastruktur dan jalan raya di Sarawak amatlah kurang memuaskan jika dibandingkan dengan jalan-jalan raya di Semenanjung. Kami rakyat yang tinggal di Sarawak yakin dan percaya bahawa banyak lagi jalan-jalan raya di Sarawak akan dibina, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar di Sarawak. Maka dengan ini, saya minta Kementerian Kerja Raya untuk memberi perhatian kepada pembinaan jalan raya di kawasan saya seperti kawasan Selangau iaitu jalan raya dari Sungai Dijih ke Ulu Telian, daerah Mukah, jalan raya Sekuau Oya ke Ulu Pakoh, jalan raya dari Pekan Selangau ke Ulu Mukah dan Ulu Selangau, jalan raya Sungai Arip dan juga jalan raya bandar Tatau ke Ulu Takus dan Ulu Anap.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kami rakyat Malaysia yang tinggal di Sarawak yakin dan percaya bahawa Sarawak akan diberi keutamaan dalam semua bidang kemajuan supaya cita-cita rakyat Malaysia yang tinggal di

Sarawak mahu Sarawak sebagai the model state, dengan izin, akan tercapai dalam konteks menuju ke arah Wawasan 2020.

Saya menyokong Belanjawan 1992 dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padas.

5.17 ptg.

Tuan Radin Malleh (Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan bagi tahun 1992 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dibentangkan baru-baru ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas Belanjawan pertama beliau sebagai Menteri Kewangan.

Pada pendapat saya, pembentangan Belanjawan bagi tahun 1992 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyerlah keupayaan beliau sebagai Menteri Kewangan, walaupun beliau tidak mempunyai latar belakang ekonomi dan kewangan. Ini mengesahkan spekulasi yang beliau adalah bakal menjadi Perdana Menteri Malaysia dalam masa yang singkat. Kebetulan pula Belanjawan pada tahun hadapan adalah merupakan Belanjawan untuk memulakan pencapaian Wawasan 2020 khususnya pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam, sekaligus pembentangan Belanjawan yang menempah sejarah dalam arus pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Belanjawan dan hujah-hujah tentang pembangunan bukanlah perkara baru bagi kita semua. Begitu juga dengan peruntukan yang agak kecil bagi Sabah iaitu lebih kurang \$193,000 juta

bukanlah di luar dugaan kerana Belanjawan demi Belanjawan, negeri Sabah memang mendapat peruntukan di antara yang terkecil, sungguhpun Sabah masih tertinggal di segi pembangunan.

Usaha-usaha pembangunan telahpun dijalankan sejak 28 tahun yang lalu, yang lainnya cuma tema dan cogankata. Namun demikian, masih banyak lagi ruang untuk kita sama-sama perbaiki, misalnya kemudahan infrastruktur fizikal seperti jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air, talian telefon, masih lagi dalam tahap yang menyedihkan terutama sekali di kawasan luar bandar dalam negeri Sabah. Kemudahan-kemudahan ini sangat diperlukan bukan sahaja untuk meningkatkan lagi kegiatan ekonomi dan perniagaan tetapi juga untuk memperbaiki perhubungan di antara satu tempat dengan tempat yang lain supaya interaksi di kalangan rakyat dapat ditingkatkan.

Interaksi ini penting untuk meningkatkan persefahaman, saling hormat-menghormati di antara kita dan perasaan yang dapat dipupuk serta disemai dan seterusnya diperkukuhkan di kalangan rakyat sepertimana yang dicita-citakan oleh Wawasan 2020 dan sekali gus mencipta satu masyarakat yang penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan kemudahan-kemudahan sosial seperti pendidikan, kesihatan dan kebajikan. Tanpa kemudahan-kemudahan pendidikan dan kesihatan, besar kemungkinan matlamat Wawasan 2020 tidak akan tercapai terutama sekali untuk melahirkan rakyat yang berilmu, progresif, dinamik dan saintifik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal-soal yang berkaitan dengan kemudahan infrastruktur telah dibangkitkan beberapa kali oleh Wakil-

wakil Rakyat sama ada di Dewan yang mulia ini, mahupun dalam forum yang lain. Malangnya tidak semua perkara yang dibangkitkan diambil perhatian. Nampaknya, tabiat memberi perhatian dan memberi peruntukan hanya sewaktu pilihanraya sudah menjadi budaya politik yang tidak sihat di negara ini.

Semasa pilihanraya berjuta-juta ringgit peruntukan kilat berupa janji diumumkan. Misalnya, janji Kerajaan Persekutuan untuk memperuntukan sebanyak \$100 juta untuk membina hospital di daerah Sipitang tetapi malang bagi rakyat di Sipitang, selepas pilihanraya kecil, peruntukan tersebut telah dikurangkan kepada \$50 juta sahaja. Sudahlah peruntukannya dikurangkan, pelaksanaannya masih pada tahap janji. Perlaksanaannya masih ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh pengundi-pengundi di Sepitang, tetapi oleh seluruh rakyat Malaysia di Sabah.

Untuk mencapai cita-cita pembangunan negara, semua pihak hendaklah berkerjasama, lebih critical lagi ialah kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Dalam soal ini perhubungan Sabah dengan Kerajaan Persekutuan pada ketika ini memerlukan sebaik-baik penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak. Kita tidak boleh membiarkan keadaan tuduh menuduh dan fitnah memfitnah di kalangan kita. Saya juga berharap agar pihak-pihak tertentu akan membuat penilaian secara objektif dan positif melalui maklumat-maklumat yang tidak berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar tuduhan-tuduhan yang melebelkan para pemimpin dan rakyat Sabah sebagai anti Persekutuan akan diteliti secara mendalam dengan mengambil kira soal sejarah dan soal pelaksanaan program pembangunan di Sabah. Tidak dinafikan bahawa

keadaan hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Sabah agak renggang. Keadaan ini timbul sejak Parti Bersatu Sabah mengambil alih tampuk Kerajaan Sabah pada tahun 1985. Ini dapat dilihat daripada tindak tanduk Kerajaan Persekutuan. Namun demikian pada hakikatnya para pemimpin Sabah tidak pernah bertegang leher dengan para pemimpin Persekutuan, cuma apa yang berlaku ialah minta meminta. Pihak Sabah meminta, pihak Persekutuan tidak memberi, lalu Sabah merajuk, itu sahaja. Peribahasa kita ada mengatakan, "orang memberi kita merasa, orang berbudi kita berbahasa".

Misalnya, kita minta menyelesaikan soal kehadiran pendatang tanpa izin yang beratus ribu di Sabah tetapi sehingga sekarang masalah ini masih berterusan. Tetapi pendatang tanpa izin yang ada di Semenanjung yang hanya beberapa ribu sahaja, segala tindakan positif diambil segera seperti yang berlaku di Pahang sekarang ini. Malahan di Sabah ada di antara pendatang tanpa izin yang menjadi perompak telah diberi rawatan dan layanan perubatan yang lebih baik seperti yang berlaku pada 24hb Oktober, 1991 di Tenom, iaitu tempat asal saya, di mana seorang perompak tanpa izin telah ditembak oleh polis, kemudian dihantar ke Hospital Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu dengan menggunakan helikopter untuk rawatan lanjut. Tetapi dalam satu kes pembunuhan di Kampung Ambuoi, Tenom, pada 8hb Ogos, 1991 di mana seorang orang tempatan telah mati dan dua orang lain cedera parah atas perbuatan pendatang tanpa izin juga tidak mendapat rawatan ataupun layanan yang serupa.

Begitu juga dengan permohonan perlindungan tarif Sabah Forest Industries ditolak dengan alasan, kalau ada import duti akan membebankan para pengguna yang berpendapatan

rendah. Pengeluaran mestilah cukup dan interest industri itu mestilah export oriented dan mempunyai potensi pertumbuhan. Alasan-alasan ini memang kurang munasabah kerana dalam pasaran terbuka (free market) sekalipun bukan bermakna pengguna mendapat harga kertas yang rendah. Sabah Forest Industries juga mampu mengeluarkan kapasiti sebanyak 125,000 metrik ton setahun berbanding dengan demand yang hanya lebih kurang 90,000 metrik ton sahaja. Sabah Forest Industries juga memang bertujuan untuk menambahkan kapasitinya bukan sahaja menemui demand tempatan tetapi untuk dieksport ke luar negeri memandangkan kita mempunyai sumber kayu yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya kita membincangkan secara terbuka dan terperinci serta rasional soal perhubungan Sabah dengan Persekutuan ini. Perbincangan ini harus digarisi oleh matlamat kita bersama yang hendakkan pembangunan, keamanan dan kestabilan politik. Semua pihak yang terlibat harus melihat kenapa soal-soal berhubung dengan Kandungan-kandungan Laporan antara Kerajaan IGC, Perjanjian Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dan 20 perkara sering dibangkitkan. Berhentikanlah tuduhan yang mengatakan para pemimpin Sabah menggunakan isu-isu ini menghasut rakyat Malaysia di Sabah.

Selain daripada tuduhan yang melulu ini, pihak-pihak tertentu seharusnya melihat kesahihan isu-isu yang diutarakan. Saya berpendapat bahawa jika sekiranya isu-isu ini dibiarkan begitu sahaja, saya kuatir usaha-usaha pembangunan akan terjejas. Semua pihak juga harus peka bahawa isu-isu ini bukan isu baru, bukan PBS sahaja yang menegenahkan isu-isu tersebut. Para pemimpin Sabah seperti Allahyarham

Tun Fuad Stephen dan Tun Mustapha juga pernah membawa isu-isu itu. Malah para pemimpin USNO juga telah membangkitkan isu-isu seperti penyerahan Pulau Labuan semasa Pilihanraya Umum negeri pada tahun 1985. Saya merayu kepada Menteri Pertahanan supaya menghentikan sikapnya yang suka menakut-nakutkan rakyat Sabah seperti menggunakan bala tentera dan mengambil tindakan dan sebagainya kepada rakyat Sabah, kerana ini akan menjejaskan aspirasinya hendak mengikuti jejak langkah ayahnya untuk menjadi Perdana Menteri di satu masa nanti.

Untuk makluman Menteri berkenaan, perang bersenjata tidak payah dicituskan. Perang mulut pun cukup, lagipun isunya ialah kita minta sahaja, berilah apa yang munasabah. Begitu juga kepada Timbalan Perdana Menteri, kita hanya mengingatkan bukan advise, seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri dalam ucapan menggulung di Perhimpunan Agung UMNO kelmarin, supaya menghapuskan dendam kasumatnya terhadap Ketua Menteri Sabah, kerana tiada siapa di antara kita ini akan menungkat langit.

Saya boleh bercerita banyak lagi sebab-sebab mengapa isu-isu berhubung dengan hubungan Kuala Lumpur dengan Sabah dibangkitkan. Namun itu tidak berapa penting. Yang pasti perasaan keciwa dan marah rakyat Sabah itu mempunyai sebab-sebab yang munasabah, yang kukuh dan yang paling penting ialah perasaan rakyat Sabah itu bukannya kerana hasutan politik seperti yang dituduh oleh setengah-setengah pihak. Rakyat sendiri faham, yang nampak dan mengetahui akan keadaan di Sabah.

Misalnya apabila rakyat Sabah berkunjung ke Kuala Lumpur, mereka terkejut dengan kemudahan infrastruktur yang begitu canggih dan apabila mereka melihat keadaan jalanraya,

sekolah, pusat kesihatan dan sebagainya di Sabah lalu membandingkannya dengan apa yang ada di Semenanjung, perasaana kecewa timbul dan bersemarak.

Misalnya oleh kerana kecanggihannya Lebuhraya Utara/Selatan maka sekarang kita boleh pergi dari Kuala Lumpur ke Melaka yang mempunyai jarak jauh lebih kurang 148 kilometer dalam masa 50 minit, manakala apabila kita pergi daripada Kota Kinabalu ke Sepitang yang mempunyai jarak lebih kurang sama iaitu 150 kilometer akan mengambil masa 3 jam. Kita dapat memahami perasaan ini, kerana setelah merdeka melalui pembentukan Persekutuan Malaysia selama 28 tahun yang lalu, pembangunan yang diharapkan belum lagi dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, semua pihak sudah maklum bahawa niat utama pembentukan Persekutuan Malaysia ialah untuk memerintah sendiri dan meningkatkan pembangunan yang pesat. Soal pembangunanlah yang digunakan untuk memujuk para pemimpin yang kurang bersetuju dengan projek Malaysia pada waktu itu, terutama sekali para pemimpin Sabah. Mereka telah dibawa melawat ke tempat-tempat yang maju di Semenanjung Tanah Melayu di masa itu, akhirnya mereka bersetuju. Kita tidak nafikan bahawa pembangunan telah meningkat dalam masa 28 tahun yang lepas terutama sekali dalam jangka masa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, sungguhpun kemudahan-kemudahan asas belum sampai di kebanyakan kawasan luar-luar bandar di Sabah. Tetapi kita juga sedar bahawa kemajuan yang telah dicapai adalah hasil sumbangan daripada berbagai-bagai pihak termasuklah Kerajaan Negeri Sabah. Malah agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Yayasan Sabah dan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri juga telah membantu Kerajaan Persekutuan terutama sekali dalam soal-soal

pendidikan dan kesihatan. Tanggungjawab membangunkan negara adalah tugas kita bersama tetapi kemudahan dan ruang untuk melaksanakan tanggungjawab itu hendaklah diberikan dengan secukupnya mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu-isu yang saya sebutkan tadi, terdapat juga fitnah, tuduhan liar dan tanggapan yang menyatakan bahawa perasaan kecewa dan tidak puas hati ini hanya pada sesuatu kaum sahaja di Sabah. Sebenarnya, fitnah, tuduhan dan tanggapan seperti ini tidak benar. Tuduhan-tuduhan seperti itu adalah dibuat oleh mereka yang berkepentingan politik. Banyak maklumat-maklumat salah dan berat sebelah telah disampaikan kepada pucuk pimpinan Pusat, termasuklah laporan-laporan dan maklumat yang diberikan oleh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.

Sebagai contoh, kononnya pemimpin PBS menghasut rakyat melalui akhbar tempatan, membencikan Kerajaan Persekutuan dan permohonan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan stesyen televisyen adalah kononnya untuk mengembangkan fahaman agama Kristian. Dakwaan dan tuduhan seperti ini bukan sahaja tidak sihat tetapi terlalu prejudis. Adakah masuk dek akal kita berbuat demikian? Semua orang boleh membaca suratkhbar-suratkhbar dan boleh menilai sendiri. Kita sedia maklum bahawa media massa terutama sekali televisyen adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah Kerajaan Negeri hanya mengutarakan kehendak rakyat, aspirasi rakyat untuk kebaikan rakyat. Itu sahaja, seperti yang saya katakan awal-awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh yang lain lagi iaitu baru-baru ini ketua penaja UMNO Bahagian Padas, Dr Haji Yusof Haji Yaacob, telah membuat kenyataan akhbar pada 30hb

September, 1991 yang dipetik oleh akhbar tempatan, *Sabah Times*, dan saya quote—

“Keluhan dan penderitaan di kawasan itu (iaitu di Daerah Sipitang) sepatutnya diberi perhatian dan layanan yang sewajarnya oleh Kerajaan Persekutuan. Sabah sudah merdeka melalui Malaysia hampir 28 tahun, namun sistem perhubungan dan kemudahan elektrik bagi penduduk daerah Sipitang masih di tahap yang amat menyedihkan. Projek Lebuhraya Beaufort-Merapok telahpun disuarakan oleh Kerajaan parti BERJAYA dahulu kepada Kerajaan Persekutuan supaya diberi perhatian khusus untuk diturap. Namun sehingga kini, Kerajaan Pusat hanya berjanji kepada rakyat negeri ini bahawa ianya akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Jalan raya menuju ke daerah Sipitang, kini sudah rosak, berlubang dan menyukarkan kepada pemandu kenderaan terutama pada musim hujan. Para peniaga yang berulang-alik dari Sipitang ke Kota Kinabalu terpaksa menggunakan jalan tersebut, walaupun ianya membahayakan keselamatan orang ramai.

Dalam kes kecemasan, para pemilik bas mini selalu mengenakan bayaran yang mahal kepada pesakit yang memerlukan rawatan lanjut yang sama ada pergi ke hospital Beaufort ataupun di Hospital Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu kerana hospital di Sipitang belum lagi siap.”

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Dr Haji Yusof Yaacob ini menggambarkan kekecewaan rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan. Jadi, adakah Dr Haji Yusof Yaacob anti-Persekutuan bila membangkitkan soal-soal ini? Tentu sekali tidak. Saya bersetuju dan menyokong seratus-peratus dengan kenyataan Dr Haji Yusof Yaacob ini.

Sungutan dan keluhan yang sama juga telah diutarakan oleh Senator John O.T. Ghani iaitu penaja UMNO kawasan Kimanis di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Sungguhpun saya difahamkan penyampaiannya agak kurang memuaskan, bukan semata-mata kerana lughatnya kerana tiap-tiap kita di dalam negeri ini mempunyai lughat sendiri, tetapi, mungkin kerana faktor-faktor yang lain. Saya yakin dan percaya, jika sekiranya keluhan dan permintaan seperti ini tidak dipedulikan, tentu sekali kekecewaan dan perasaan tidak puas hati akan membara lagi. Jadi, kita sebagai pemimpin masyarakat, sebagai Wakil Rakyat setempat, terpaksa terus bersuara memohon dan terus memohon. Apakah pihak yang berkenaan menunggu sehingga kita menangis, mengemis dan meronta meminta belas kasihan? Kita diminta tunggu sehingga 10 tahun lagi dan bahawa projek itu akan dibuat dalam Rancangan Malaysia dan seterusnya. Dalam keadaan yang demikian, maka secara logiknya tentulah sesiapa juga akan meminta agar perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh para pemimpin kita semasa pembentukan Gagasan Persekutuan Malaysia itu dikaji semula. Malah, pada hakikatnya dokumen Laporan Antara Kerajaan (IGC) sepatutnya dikaji tiap-tiap 10 tahun, tetapi kajian hanya dibuat pada tahun 1973 dan tidak dibuat untuk tahun 1983, entahlah sama ada kajian akan dibuat pada tahun 1993 akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila soal-soal hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dibangkitkan terdapat pihak-pihak tertentu yang sentiasa memutarbelitkan isu-isu itu dengan soal-soal perkauman dan agama sedangkan isu-isu itu tidak ada kena-mengena dengan soal perkauman dan agama. Malah, para pemimpin Sabah yang lain seperti Tun Mustapha pernah pada tahun 1974

mencadangkan agar Sabah keluar daripada Malaysia atas sebab Kerajaan Persekutuan tidak menunaikan permintaan tambahan peruntukan kepada Kerajaan Sabah yang didukung oleh USNO pada ketika itu. Malang bagi Tun Mustapha, beliau dan Kerajaan USNO telah ditumbangkan oleh pemimpin-pemimpin parti BERJAYA yang didalangi oleh beberapa pemimpin Persekutuan dan antara pemimpin UMNO yang terlibat menjatuhkan Tun Mustapha masih lagi gagah dalam kepimpinan UMNO pada masa ini. Tun Mustapha ditumbangkan semata-mata kerana beliau memperjuangkan hak-hak Sabah. Bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh juga pernah berkata bahawa tujuan menyerahkan Lembaga Letrik Sabah kepada pentadbiran Persekutuan ialah supaya masalah kos pentadbiran dan kos pengeluaran tenaga elektrik dapat dikurangkan atau sekurang-kurangnya dapat diberi subsidi oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Tetapi apa yang berlaku pihak Kerajaan Persekutuan hanya mengambilalih kuasa mentadbir. Kos pentadbiran dan sebagainya tetap sama. Bekas Ketua Menteri itu sendiri telah melahirkan kekecewaan terhadap perkara ini. Sudahlah kita kecewa, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos datang ke Sabah baru-baru ini hanya untuk memberitahu rakyat Malaysia di Sabah supaya bersabar, tunggu sepuluh tahun lagi, barulah tarif elektrik disamaratakan dengan tarif di Semenanjung.

Menyentuh tentang elektrik, banyak lagi kawasan luar bandar belum lagi mendapat bekalan elektrik. Misalnya, kawasan luar bandar daerah Tenom iaitu di dalam kawasan Padas, belum pun menikmati kemudahan ini sungguhpun Stesyen Hidro Pangi terletak di dalam daerah Tenom ataupun di dalam kawasan Padas.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud untuk melaga-lagakan mana-mana pihak, cuma saya cuba menjelaskan bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh para pemimpin Sabah yang ada kaitan dengan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Sabah adalah isu yang dirasakan oleh semua lapisan rakyat Sabah tanpa mengira kaum dan agama, asalkan dia seorang manusia yang berfikiran waras.

Demi pencapaian matlamat Wawasan 2020, saya meminta supaya Kerajaan Persekutuan betul-betul listen to the Sabah side of the story. We have tried many times to put our foot into your shoes, now is the time for the Federal leaders to put their foot into ours, dengan izin. Permintaan-permintaan Sabah seharusnya jangan dipolitikkan tetapi seharusnya dilihat dengan rasional dan penuh keikhlasan. All we want is fairness, yakni keadilan, yang kita tuntutan melalui kebenaran. We are not asking too much, but what is due to us, dengan izin.

Seperti yang saya katakan awal-awal tadi, bahawa para pemimpin Sabah dahulu dan yang ada pada hari ini tidak pernah bergaduh ataupun bertegang leher dengan para pemimpin Persekutuan. Apa yang telah, sedang dan akan dibuat ialah terus meminta dan menuntut apa yang sepatutnya diberikan kepada Sabah. Itu sahaja. Niat kita untuk terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020, khususnya pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan OPP2 di Sabah tidak boleh dipersoalkan lagi. Kita juga telah menyertai secara aktif di dalam MPEN yang telah menjadi asas kepada Dasar Pembangunan Negara. Keikhlasan kita dalam menerajui pembangunan di negeri masing-masing tidak boleh dipersoalkan lagi. Untuk mencapai tujuan ini, perhubungan dan kerjasama itu hendaklah mengikut proses dua-hala.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulungkan. Ada satu minit sahaja lagi.

Tuan Radin Malleh: Terima kasih. Kita tidak rela ada mana-mana pihak yang memaksakan kehendaknya terhadap orang lain, ianya mestilah kepentingan dan kebaikan bersama. Dan jika permintaan-permintaan kita terus-menerus diabaikan, jangan salahkan kami jika kami terus menuntut keadilan dalam pelaksanaan Laporan Antara Kerajaan (IGC), Perjanjian Malaysia dan Perkara 20. Atas sebab itulah—perkara pokok—yakni hak-hak Sabah, berpandu kepada dokumen-dokumen asas pembentukan Persekutuan Malaysia harus diberi perhatian dengan teliti. Janganlah ada pihak yang mengatakan bahawa isu tentang pembentukan Malaysia sudah selesai dan sepatutnya jangan lagi diungkit-ungkit. Kita bersetuju, tetapi kalau pelaksanaannya tidak adil dan Perjanjian itu terus dicabuli, kita tidak ada pilihan lain selain daripada mengutarakan perkara-perkara pokok yang telah dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan prinsip ini, kita telah menyokong dan menerima Wawasan 2020 di mana operative frameworknya adalah Dasar Pembangunan Nasional dan strategi pelaksanaannya ialah OPP2. Sekarang kita ingin melihat bagaimana dasar dan strategi itu dilaksanakan melalui Rancangan-rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Antara matlamat yang paling menarik ialah cita-cita mengurangkan kadar kemiskinan 1% pada tiap-tiap tahun mulai tahun ini. Pada masa ini, kadar kemiskinan di peringkat kebangsaan ialah lebih kurang 19% dan purata kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia ialah 20%.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Radin Malleh: Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Alor Setar.

5.40 ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk berucap mengenai Belanjawan Tahun 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 1hb November, 1991. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan Belanjawan yang jelas dan ketara walaupun ia tidak begitu istimewa sepenuhnya dari semua aspek tetapi pada keseluruhannya akan berinspirasikan hasrat rakyat. Belanjawan yang dibentangkan kali ini mampu untuk mewujudkan satu masyarakat yang peka terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Ianya yang amat ketara, cuba sedaya-upaya megimbangi kemantapan ekonomi negara dengan penekanan terhadap penjimatan dan hemat berbelanja serta sifat mampu bersaing dalam menentukan satu usaha untuk lebih memantapkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kagum dan menyokong penuh niat dan hasrat Yang Berhormat Menteri Kewangan terhadap penekanan perbelanjaan untuk membanteras rasuah, penyelewengan serta perbelanjaan boros. Niat dan hasrat ini adalah amat noble, dengan izin, dan amat bertepatan dengan usaha kita untuk memantapkan ekonomi sebagai sebuah negara yang membangun dan bermaruah. Adalah amat diharap agar niat dan hasrat murni ini dapat

dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas serta mendapat kerjasama serta sokongan dari semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan empat strategi Belanjawan kali ini yang di antara lain telah dan mampu merangkumi semua aspek kemantapan ekonomi negara sendiri dan dengan agihan yang realistik dan berpatutan kepada sektor-sektor yang bakal dan akan menentukan arah tujuan negara kita sebagai strategi induk Belanjawan kali ini. Strategi ini sedikit sebanyak, saya yakin dengan pelaksanaan yang jujur, amanah serta ikhlas akan dapat mencapai hasrat Kerajaan dan rakyat dan di dalam persiapan supaya negara kita menjadi sebuah negara yang maju dan berindustri dan juga menangani dunia yang semakin mencabar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mantap, Kerajaan telah mengorak beberapa langkah untuk mewujudkan satu sistem percukaian, khususnya dalam menarik dan menggalakkan lebih ramai pelabur. Beberapa kajian semula telah juga dicadangkan. Buat masa ini saya amat bersetuju dengan beberapa jenis galakan cukai yang disediakan bagi tujuan menarik pelaburan asing dan dalam negeri. Dalam Belanjawan kali ini, cadangan untuk mengenakan cukai sebanyak 10% kepada pelabur-pelabur yang diberikan taraf perintis nampaknya tidak begitu tepat. Ini bermaksud bahawa bukan saya tidak bersetuju dengan cukai yang akan dikenakan tetapi saya berpendapat Malaysia sebagai sebuah negara membangun dan sedang menghadapi saingan-saingan dari negara-negara lain di rantau ini terpaksa mengekalkan segala insentif yang sedia ada supaya menarik lebih ramai pelabur, khususnya organisasi gergasi terutama dari negara luar.

Memandangkan ianya adalah satu insentif yang kita mampu berikan, saya kira cukai 10% ke atas keuntungan tahunan pelabur-pelabur yang mempunyai taraf perintis ini mungkin akan mengurangkan minat pelabur, jika kita tidak menyediakan kemudahan-kemudahan lain selain daripada infrastruktur serta kemudahan asas bagi tujuan pelaburan industri sebagai gantian insentif kepada cukai tersebut. Walau bagaimanapun, satu pakej galakan pelaburan yang sempurna yang memberangsangkan dan lebih menarik akan dapat mempelawa lebih banyak pelaburan industri bagi tujuan perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang agak merunsingkan saya dan ramai rakyat adalah cukai perkhidmatan yang mana cukai perkhidmatan akan diperkenalkan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh firma-firma guaman, jurutera, akitek serta lain-lain profesional termasuk firma pengiklanan dan juga pusat service pembaikan kereta. Apa yang dikhuatiri di sini, tindakan dan langkah ini walaupun secara keseluruhannya amat baik dan memberangsangkan, namun demikian saya berpendapat ianya akan melibatkan rakyat sebagai consumer ataupun pengguna secara langsung. Sudah tentu cukai perkhidmatan ini akan membebankan para pengguna sebab pada keseluruhannya pengguna perkhidmatan service firma-firma profesional ini adalah sebahagian besarnya terdiri dari rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Dengan wujudnya cukai perkhidmatan, maka akan menambahkan lagi paperwork, dengan izin, dari segi akaun dan tidak mustahil pusat-pusat perkhidmatan (service) tertentu selain daripada firma profesional juga akan menaikkan bayaran perkhidmatan mereka tanpa pelaksanaan yang betul dan jujur. Amalan ini akan terus dibebankan kepada rakyat secara diam-

diam tanpa kita ketahui. Misalnya, perkhidmatan perubatan swasta yang mungkin menaikkan harga dan perkhidmatan perubatan bagi menampung kerja-kerja dan paperwork, dengan izin, bagi tujuan mengutip bayaran cukai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut tentang pusat perubatan swasta ataupun private hospital, dengan izin, Kerajaan kita harus bertanya sebab apa ramai rakyat begitu berminat untuk mendapatkan perkhidmatan hospital-hospital swasta. Saya percaya, jika perkhidmatan yang diberikan oleh hospital-hospital Kerajaan baikpun di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah adalah baik dan berkesan, memang rakyat akan memilih hospital Kerajaan. Siapakah yang hendak membayar lebih beberapa kaliganda yang dikenakan oleh hospital swasta? Masalah yang sering dihadapi oleh rakyat yang ingin mendapat perkhidmatan hospital Kerajaan ialah kesesakan pesakit-pesakit dan kekurangan pegawai seperti doktor-doktor dan jururawat, termasuk kekurangan kelengkapan. Mungkin dengan pelancaran Rancangan Malaysia Keenam, lebih banyak hospital dibina dan kenaikan gaji dan ganjaran bagi doktor-doktor dan jururawat, situasi mengenai perkhidmatan hospital Kerajaan akan berubah.

Sebelum saya beralih kepada sektor lain, saya juga harus menarik perhatian Kerajaan kita tentang perkhidmatan mesin haemo-dialysis ataupun mesin mencuci buah pinggang yang sering dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya difahamkan bahawa perkhidmatan mesin mencuci buah pinggang hanya diberikan kepada kes-kes end renal failure, dengan izin, dan lain-lain kes tertentu. Memandangkan pesakit-pesakit penyakit buah pinggang ataupun kidney failure, dengan izin, kian bertambah dan kos mesin mencuci

buah pinggang begitu mahal, dan memandangkan sebahagian besar pesakit ini adalah dari golongan yang berpendapatan rendah, maka saya mengesyorkan supaya perkhidmatan mesin mencuci buah pinggang ini diperluaskan kepada semua pesakit-pesakit penyakit buah pinggang dengan mengadakan lebih mesin di hospital besar dan di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga agak keliru dengan penambahan peruntukan pembangunan bagi tujuan keselamatan dan pertahanan. Saya berpendapat dengan keadaan negara dan rantau ini yang agak stabil dan aman, jumlah pertambahan sebanyak 13.2% dari tahun lalu itu agak sedikit menyimpang dari tujuan dan keadaan sebenarnya scenario negara dewasa ini. Peruntukan bagi tujuan keselamatan dan pertahanan sering menjadi isu di setiap negara yang mengamalkan kerajaan demokrasi. Misalnya, Presiden Amerika Syarikat sentiasa mempunyai masalah untuk mendapat sokongan pihak Kongres dalam pengagihan peruntukan untuk sektor defence, dengan izin.

Walau pun saya mengakui bahawa aspek keselamatan dan pertahanan adalah amat penting, saya lebih berminat mencadangkan agar peruntukan pertambahan tersebut dapat kita salurkan sebahagian itu untuk pembangunan luar bandar, pendidikan dan pembangunan teknologi tinggi atau high-tec dengan izin, apa lagi dengan situasi politik dewasa ini di rantau Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan levi yang dikenakan kepada pekerja asing kerana ini sedikit sebanyak akan membantu Kerajaan untuk terus bergantung kepada para pekerja asing terutama di dalam bidang industri dan perladangan. Langkah ini juga akan membawa kesedaran kepada pekerja dalam negeri untuk bekerja

lebih kuat dan penuh dedikasi. Tindakan ini sekurang-kurangnya akan lebih menyakinkan para pekerja dalam negara dan akan menyemaikan sikap bersaing yang sudah tentu akan menjamin prestasi dan produktiviti kerja yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong hasrat Kerajaan untuk menggalakkan rakyat berjimat dan hemat berbelanja. Langkah ini adalah amat perlu dan mestilah mendapat sokongan semua pihak. Namun demikian, hasrat dan niat suci ini tidak dapat tercapai jika sekiranya rakyat dengan secara mendadak dan tiba-tiba disarankan untuk berjimat dan hemat dalam ertikata tidak berbelanja. Rakyat digalakkan menyimpan secara over-emphasized, dengan izin.

Saya kluatir gelagat ini akan sedikit sebanyak mengganggu kestabilan pasaran saham dan ini sudah tentu tidak sihat untuk negara yang sedang membangun. Jimat dan hemat berbelanja adalah suatu amalan yang baik tetapi penekanan juga harus kita tumpukan kepada penjimatan dan hemat berbelanja oleh setengah-setengah jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun dan juga agensi-agensi Kerajaan, kerana sejak kebelakangan ini kita kerap-kali mendengar akan keborosan setengah-setengah agensi Kerajaan yang mana kalau kita hanya menekankan penjimatan berbelanja rakyat tetapi di suatu pihak lain iaitu pihak Kerajaan sendiri tidak memberi teladan yang baik. Hasrat dan Wawasan ini tidak mungkin akan dapat membuahkan binaan ketahanan ekonomi yang kukuh dan berdaya maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk mengecualikan duti setem terutama dengan pengecualian duti setem ke atas suratcara pindah-milik rumah kos rendah yang mana ianya

akan mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah. Saya juga amat mengalu-alukan langkah Kerajaan memperkenalkan semula garis panduan berhubung dengan pinjaman perumahan dalam usaha Kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Namun demikian, pelaksanaannya mestilah diawasi dan diteliti oleh pihak Kerajaan kerana pihak bank-bank dan institusi kewangan mungkin akan lewat-lewatkan pinjaman atau menolak pinjaman dengan kadar faedah 9% setahun yang mana agak rendah apabila mereka ini menanggung cost of fund, dengan izin, begitu tinggi. Memandangkan cost of fund iaitu base lending rate telah meningkat sehingga 8.6% setahun bagi setengah institusi kewangan memperolehi fundnya dengan kadar 9%, memang amat sukar bagi institusi kewangan ini untuk meminjam.

Secara langkah untuk jangka panjang, saya mencadangkan pihak Kerajaan mengambil perhatian supaya kadar-kadar bagi pinjaman perumahan bagi rumah-rumah yang berharga \$100,000 ke bawah dikaji semula ataupun dibenarkan kenaikan tidak melebihi 1% ke atas base lending rate. Melalui cara ini rakyat boleh mendapat pinjaman dengan lebih mudah dan bank-bank dan institusi-institusi kewangan mungkin boleh memperolehi sedikit keuntungan supaya mereka tidak mengalami kerugian memandangkan cost of fund begitu mahal. Melalui cara ini bank-bank dan institusi kewangan lain akan dengan relanya meminjam dan bukan semata-mata hanya untuk memenuhi kuota yang diberikan oleh Bank Negara.

Bagi tujuan faedah caruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja, saya berpendapat ianya adalah baik terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah tetapi bagi pencarum yang ingin mendirikan

rumah sendiri dan di atas tapak tanahnya, kemudahan ini mungkin tidak akan menepati tujuan asal kerana segala kemungkinan penyelewengan akan berlaku jika kemudahan ini tidak diawasi dengan betul. Apa yang kita khuatir adalah kemungkinannya para pemaju perumahan akan mengambil kesempatan dari kemudahan ini. Saya sebutkan di sini sebab sudah ada berlaku dan mungkin akan berlaku lagi situasi di mana pakatan di antara pencarum dengan pemaju perumahan dalam proses pengeluaran wang caruman yang mana kalau tidak betul-betul diawasi akan menghampakan hasrat baik Kerajaan untuk membantu golongan ini untuk memiliki rumah sendiri. Pengeluaran mestilah mengikut syarat yang ditetapkan dan bayaran dari caruman mestilah juga di scrutinized, dengan izin, oleh pihak Kerajaan dengan bantuan jabatan dan agensi Kerajaan yang lain agar hasrat murni Kerajaan ini tidak akan tersangkut di tengah jalan dan dapat menikmati kemudahan dan keselesaan ini, bukan dari golongan yang berpendapatan rendah tetapi golongan pemaju yang makin berkaya-roya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memahami logik ke atas langkah Kerajaan untuk menghapuskan duti harta pusaka, sebab 99% rakyat negara kita tidak akan menerima manfaat penghapusan duti harta pusaka dan pelepasan ini adalah untuk golongan yang mempunyai harta yang banyak dan jumlah besar. Golongan ini hanya sebilangan kecil dari rakyat negara kita iaitu tidak sampai 1% rakyat negara ini yang mendapat kemudahan dari pelepasan duti ini. Walaupun demikian, saya ingin menyarankan agar jumlah nilai harta pusaka simati yang terkecuali bernilai \$2 juta ke bawah pada masa sekarang dinaikkan ke \$5 juta supaya kemudahan ini dapat diperluaskan dan dinikmati oleh ramai rakyat.

Saya juga menyambut baik atas cadangan Kerajaan untuk pengecualian cukai ke atas bond corporate tetapi saya berpendapat cukai persendirian atau income tax sejumlah 40% yang ada sekarang ini seelok-eloknya diturunkan ke 35% kerana jumlah 40% ini adalah peratus yang agak tinggi jika kita bandingkan peratus cukai pendapatan di lain-lain negara di Asia. Implikasi dari ketinggian cukai pendapatan individu walaupun adalah suatu langkah oleh Kerajaan mendapat lebih banyak hasil untuk membangunkan negara, tetapi kesan-kesan buruk ialah rakyat akan menganggap bahawa percukaian ini tidak berpatutan jika dibandingkan dengan lain-lain negara yang membangun dan ini akan menggalakkan rakyat untuk mencari jalan untuk mengelakkan pembayaran.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu, saya amat menyokong langkah Kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang memperuntukkan jumlah peruntukan sejumlah \$6.7 bilion iaitu pertambahan jumlah 20.5% dari tahun dahulu untuk Kementerian Pendidikan. Saya kira langkah ini adalah amat sesuai dan mendapat sokongan dari semua pihak. Namun demikian, apa yang patut kita semua kaji adalah agihan dari jumlah peruntukan tersebut haruslah menepati hasrat dan citarasa rakyat negara kita iaitu pembangunan pendidikan yang meliputi semua aspek pendidikan.

Saya juga menyokong di atas usaha Kerajaan untuk menaikkan jumlah pengecualian dari \$6,000 ke \$12,000 ke atas royalti bagi hasil penulisan. Langkah ini adalah amat wajar bagi tujuan menggalakkan penulisan buku-buku yang meliputi semua aspek penulisan buku-buku pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks yang sama saya juga menyarankan agar pertambahan peruntukan pendidikan ini dapat disalurkan mengikut keperluan dan tuntutan semasa bagi semua aspek pendidikan. Penekanan juga harus diberi kepada peruntukan infrastruktur dan kemudahan asas di sekolah-sekolah luar bandar dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan khususnya SRJK(C) dan SRJK(T), sebab kedua-dua jenis sekolah rendah ini telah lama ketinggalan dari segi pembangunan dan juga kelengkapan seperti kerusi meja. Ini adalah sangat diperlukan supaya pengimbangan budaya ilmu ini dapat dirasakan oleh semua golongan rakyat dari semua keturunan.

Langkah Kerajaan untuk menyediakan peruntukan yang khusus bagi pembangunan universiti di negara ini berjumlah \$553 juta itu adalah amat realistik dan tepat pada masa dan ketikanya. Peruntukan khas ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan amat peka terhadap bidang pendidikan dan juga kegiatan memajukan institusi pengajian tinggi. Adalah juga diharapkan agar pusat-pusat pengajian tinggi yang dianjurkan dan dibantu separuh oleh Kerajaan juga akan mendapat imbuhan ini. Kolej-kolej yang separuh Kerajaan juga boleh mendapat kemudahan dari jumlah peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan penekanan Kerajaan untuk memupuk masyarakat penyayang, saya kira semua pihak menyambut baik akan langkah Kerajaan untuk memperuntukkan sejumlah \$19.6 juta untuk pusat masyarakat setempat bagi tujuan membantu dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak, orang-orang tua dan remaja. Langkah ini adalah amat bersesuaian dan langkah ini juga haruslah disusuli dengan pelaksanaan yang cekap, amanah dan bertepatan.

Bantuan ini akan memberikan perlindungan kepada pusat-pusat kanak-kanak terencat akal, rumah orang-orang tua dan juga pusat bimbingan remaja. Bantuan ini juga seharusnya disusuli kepada pusat-pusat dan rumah-rumah orang tua yang diusahakan oleh orang-orang perseorangan, persatuan dan badan-badan kebajikan yang mana mereka ini adalah kumpulan-kumpulan yang amat memerlukan bantuan seumpama ini.

Cadangan Kerajaan bagi peruntukan sejumlah \$25 juta bagi Program Bimbingan Keluarga, amatlah patut disanjung tinggi. Seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, program ini juga seharusnya diperluaskan kepada peringkat-peringkat masyarakat tempatan. Agensi-agensi Kerajaan di peringkat daerah dan kampung juga harus diberikan perhatian agar peranan untuk Program Bimbingan Keluarga ini dapat dimainkan oleh semua golongan dan anggota masyarakat. Pemimpin masyarakat di peringkat bawah juga harus diberikan kesedaran untuk memainkan peranan dalam usaha Kerajaan untuk membimbing keluarga di peringkat bawah seperti membantu usaha pencegahan penagihan dadah dan penderaan kanak-kanak misalnya. Usaha ini juga boleh dimainkan oleh pihak agensi Kerajaan di peringkat JKKK misalnya, moga-moga usaha untuk mempertingkatkan lagi ikatan kekeluargaan di kalangan masyarakat ini dapat dirasai dan dipertanggungjawabkan kepada semua anggota masyarakat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan awal-awal tadi, pada keseluruhannya Belanjawan 1992 ini adalah merupakan Belanjawan yang bukan sepenuhnya istimewa dari semua aspek, tetapi ia berjaya mengawal pengimbangan ekonomi negara dan juga satu saranan dan pesanan kepada rakyat negara dalam usaha untuk

memperkukuhkan kedudukan ekonomi rakyat kita sendiri. Usaha Kerajaan untuk berjimat-cermat dan hemat berbelanja sebagai strategi induk Belanjawan tahun ini adalah amat bertepatan dan patut disanjung tinggi. Seruan mengawal sikap boros dan penyelewengan perbelanjaan di semua peringkat terutama di peringkat Kerajaan adalah amat tepat dan mesti dipatuhi oleh semua pihak. Langkah ini bukan sahaja akan berjaya mengawal aliran wang yang tidak menentu tetapi juga ianya akan dapat sedikit sebanyak mengurangkan perbuatan penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Perbuatan menggunakan wang Kerajaan untuk kepentingan diri dan kumpulan-kumpulan tertentu adalah amat hina dan patut dihentikan sertamerta. Penggunaan wang rakyat yang dibelanja sewenang-wenang mestilah diberhentikan. Penyelewengan penggunaan kuasa dan peruntukan Kerajaan juga harus diawasi dan diambil tindakan tanpa mengira pangkat, kedudukan politik dan asal keturunan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung, ada satu minit lagi.

Tuan Chor Chee Heung: Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan Kerajaan sedang dalam proses melakukan apa sahaja yang akan memberi manfaat kepada rakyat kita dan juga menjalankan segala langkah-langkah supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang maju dan perindustrian, saya percaya memang cabaran-cabaran dan masalah akan timbul dari beberapa aspek.

Salah satu masalah yang sedang dihadapi oleh Kerajaan ialah terdapat sedikit perselisihan di antara Majlis Peguam Malaysia dan Kerajaan yang berpunca dari salah faham. Saya dengan penuh harapan bahawa kedua-dua pihak ini dapat memperbaiki

suasana perhubungan dengan sepenuh keikhlasan dalam masa yang singkat sekali supaya Kerajaan dan rakyat dapat berganding bahu untuk bekerja kuat dan cergas demi untuk kebaikan dan kemajuan negara. Apa-apa peristiwa yang telah berlaku dan pihak mana yang telah bersalah dalam tindak lakunya tidak begitu mustahak lagi.

Saya berpendapat bahawa jika kedua-dua pihak berpegang tegas kepada prinsip mereka masing-masing, maka masalah ini bukan sahaja tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan bahkan memberi suatu gambaran kepada negara asing bahawa Malaysia dalam rumah halamannya masih mempunyai masalah domestik yang begitu serius. Walaupun saya ialah seorang peguam ataupun salah seorang dalam legal fraternity, dengan izin, seperti ramai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak ingin melihat perhubungan baik yang terjalin di antara Majlis Peguam dan Kerajaan dimusnahkan begitu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, lagi satu line sahaja.

Jika pihak Kerajaan berpendapat bahawa Majlis Peguam Malaysia telah membuat sesuatu yang salah dan tidak mengikut the process of law, dengan izin, melalui perundingan, apa jua masalah dapat diselesaikan dengan keikhlasan dan dalam sikap forget and forgive, dengan izin. Walau bagaimanapun, perselisihan ini tidak patut dipanjangkan lagi dan haruslah diselesaikan tanpa campurtangan oleh mana-mana pihak. Sekian, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bagan.

6.08 ptg.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1992 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 1hb November, 1991.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kami menyaksikan satu pertentangan perbelanjaan bagi tahun 1992 yang lebih kurang sama dengan tahun-tahun yang lalu. Persamaan dari segi memotong cukai untuk beberapa perkara dan tambah cukai untuk beberapa perkara yang lain. Ini seolah-olah memainkan silap mata di hadapan rakyat jelata sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, setakat bulan Disember 1990 ini, negara kita telah berhutang kepada luar negeri sejumlah \$25 bilion dan hutang dalam negeri ialah sebanyak \$70 bilion. Kedua-dua hutang negara kita ini berjumlah lebih kurang \$95 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, jika dihitung bilangan rakyat Malaysia adalah 18 juta orang, maka tiap-tiap seorang rakyat ada berhutang sebanyak \$5,300. Kerajaan Barisan Nasional telah boros meminjam di sana dan di sini untuk membiayai projek-projek pembinaan dan pelbagai.

Memang benar negara kita ini nampaknya sangat maju dan kaya. Lebuhraya di merata-rata, bangunan-bangunan raksasa, jambatan-jambatan terkenal di dunia dan sebagainya. Ini adalah seolah-olah seseorang yang menduduki bungalow mewah, memandu kereta mewah, memakai kain baju dan kasut cap terkenal, tetapi hutang bank banyak. Ini adalah satu gambaran yang tidak sihat. Bukankah pucuk pimpinan negara selalu menasihati kepada rakyat jelata

supaya berbelanja berjimat-cermat dan jangan memboros, akan tetapi pucuk pimpinan negara kita 'cagak tak serupa bikin'.

Belanjawan tahun 1992 ini adalah satu belanjawan defisit sebanyak \$7.177 bilion dan defisit ini pula kena dipinjam dari dalam dan luar negeri. Bilakah kita akan selesaikan hutang awam ini? Bilakah Belanjawan negara kita ini akan menunjukkan keuntungan dan rakyat tidak payah menanggung berbagai cukai-cukai dan beban-beban.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh Kerajaan "cagak tak serupa bikin" ini dapat dilihat di lain-lain pentadbiran juga. Misalnya dalam ucapan Menteri Kewangan, mukasurat 11, para 18, beliau ada mengaku bahawa industri kecil dan sederhana memainkan satu peranan yang penting dalam kalangan industri-industri negara kita ini. Beliau berkata, industri-industri kecil dan sederhana ini patut diberi galakan dan dititikberatkan. Akan tetapi apakah Majlis Kerajaan Tempatan buat? Meroboh kilang-kilang yang di-anggapkan haram.

Menghalau dan melarangkan kilang-kilang yang tidak berjaya mendapat lesen. Hukuman dan denda berat ke atas industri-industri serupa ini dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua pengusaha-pengusaha kilang kecil dan sederhana di negara kita mampu memiliki tanah-tanah dan kilang-kilang yang sah. Ini adalah kerana tanah dan kos pembinaan sangat mahal, maka mereka terpaksa mencari rezeki di tempat-tempat yang sedia ada, di tempat-tempat yang murah sewanya. Tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan mereka kepada negara ini adalah penting.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1992 para petani dan penternak telah dilalaikan. Memandangkan hasil cukai ke atas makanan ternakan akan dapat hasil sebanyak \$7 juta dan cukai baja \$9 juta, maka timbullah pertanyaan mengapa kedua-dua cukai ini tidak dapat dimansuhkan sama sekali atau dikurangkan demi untuk kepentingan para petani dan penternak.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Penternak Seluruh Malaysia telah melalui beberapa pertemuan dan perbincangan dan juga menyerahkan memorandum kepada Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Loke Yuen Yow selama ini merayu supaya cukai ke atas sejenis bahan makanan ternakan yang utama, iaitu soya bean flakes dimansuhkan sama sekali. Timbalan Menteri berkenaan telah berjanji hendak membawa rayuan ini kepada pihak atasan, tetapi setiap kali Belanjawan dibentangkan, para penternak berputus asa. Tambahan pula, Kerajaan Negeri Melaka hendak memberhentikan penternakan khinzir. Hari ini, Menteri Besar Negeri Selangor juga hendak mengikut langkah negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan rakyat negara kita semakin bertambah, keperluan hasil-hasil penternak juga meningkat. Untuk mencapai matlamat, dengan izin, self sufficiency dan juga menggalakkan eksport hasil-hasil penternak adalah patut Kementerian Kewangan mengkaji rayuan Persatuan Penternak Seluruh Malaysia ini dengan memansuhkan cukai ke atas soya bean flakes.

Tuan Yang di-Pertua, taraf hidup rakyat Malaysia kian meningkat. Kebanyakan rakyat mencari rezeki kais pagi makan pagi. Sekiranya sangat malang dan ditimpa penyakit-penyakit, maka tambahlah derita dalam kehidupan.

Tadi kita telah mendengar ucapan oleh Yang Berhormat dari Alor Setar. Saya pun ada fikiran dan peringatan yang sama, iaitu satu penyakit yang berleluasa sekarang ialah sakit buah pinggang. Hospital-hospital Kerajaan tidak memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit buah pinggang, melainkan kes-kes yang tertentu dan juga orang-orang yang tertentu. Seseorang pesakit kena menjalani cuci buah pinggang di hospital swasta dan perbelanjaannya bagi sekali adalah lebih kurang \$200 hingga \$300. Proses mencuci ini selalunya sekali seminggu. Kepada orang-orang awam tentulah tidak mampu membayar. Mereka hanya boleh menderita dan menunggu masa sahaja. Sebagai sebuah Kerajaan yang mengamalkan masyarakat penyayang, patutkah orang-orang yang kurang bernasib ini dibiarkan begitu sahaja? Maka dengan demikian, Kerajaan patut memberi perkhidmatan mencuci buah pinggang ini dengan seluas yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang sudah menjalani pemindahan buah pinggang, mereka kena menggunakan sejenis ubat, dengan izin, anti repellent foreign organ. Ubat ini sangat mahal harganya. Kini terdapat pekedai-pekedai yang tidak bertanggungjawab dengan menjualkan ubat-ubat yang bukan tulen. Masalah masyarakat ini patut diambil berat oleh Kerajaan. Kerajaan patut memberi ubat ini dengan cara subsidi kepada pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu dua perkara mengenai tempat asal saya, iaitu di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada meminta Kerajaan Pusat menjalankan projek-projek mencegah banjir di Pulau Pinang dan Seberang Perai. Mengikut Ketua Menteri Pulau Pinang, sejumlah \$200 juta telah dipohon kepada Kerajaan Pusat, akan tetapi saya diberi jawapan oleh Menteri

yang berkenaan bahawa hanya \$133.2 juta telah dipohon oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah meluluskan \$71.46 juta untuk melaksanakan projek-projek mencegah banjir. Saya berharap Kerajaan Pusat dapat melaksanakan projek tersebut dengan seawal mungkin oleh kerana keadaan banjir di Pulau Pinang dan Seberang Perai adalah sangat kritikal dan tidak boleh ditangguh-tangguhkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kementerian Alam Sekitar memandang berat tentang laporan EIA memajukan Bukit Bendera. Kini terdapat satu kumpulan pemaju yang sangat berminat memajukan sebahagian Bukit Bendera untuk keuntungan yang lumayan. Mengikut satu laporan oleh pakar-pakar sains dari England dan Malaysia, sekiranya hutan-hutan dibersihkan maka residual, dengan izin, sebatang sungai akan bertambah 18 kali gandanya. Sekiranya Bukit Bendera dibenarkan dimajukan untuk membina bangunan-bangunan bagi golongan kaya-raya, maka peruntukan wang sebanyak \$71.46 juta ini bagi projek mencegah banjir akan sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional selalu melaung-laungkan bahawa negara kita telah mencapai kemajuan yang pesat, baik di segi infrastruktur atau di segi sosio-ekonomi dan lain-lain. Dukacita dimaklumkan bahawa masih terdapat lagi orang-orang yang menduduki di kampung-kampung dalam bandar tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang dilaung-laungkan ini. Dalam kawasan Parlimen Bagan, terutama sekali dalam kawasan DUN (Dewan Undangan Negeri) Bagan Jermal, semua jalan-jalan masih belum ditarkan. Pada musim hujan ia sangat lecah dan pada musim kemarau ia berdebu-debu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan Belanjawan 1991 yang lalu pernah saya membangkitkan hal serupa ini dan Menteri yang bertanggungjawab berkata akan memandang berat tentang pengaduan ini.

Pihak Kerajaan Negeri, Pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai Daerah semua telah diberitahu, tetapi apa pun tidak diambil berat. Alasan-alasan yang diberi ialah tuan tanah enggan memberi kebenaran untuk membina jalan-jalan kampung ini. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memaklumkan bahawa dalam Pilihanraya Umum 1990 yang lepas dan Pilihanraya Kecil Prai baru-baru ini, Kerajaan telah menjalankan projek-projek kilat mengetar jalan-jalan kampung dengan tidak menghiraukan bantahan dari tuan-tuan tanah. Saya merasa sedih atas sikap Kerajaan Barisan Nasional kerana suka memainkan nasib rakyat. Sekiranya Kerajaan jujur dan ikhlas, sila hubungi saya dan saya akan tunjukkan kepada pegawai yang baik hati itu ke tempat-tempat di mana jalan-jalan itu perlu ditarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu contoh lagi bagaimana Kerajaan suka memainkan nasib rakyat. Di kawasan Mak Mandin, Butterworth, Kerajaan bercadang hendak membina sebuah sekolah SRJK (Tamil). Kerja cerucuk asas telah dijalankan, tetapi gagal kerana tanah sangat lembut. Pernah saya membangkitkan soalan semasa Soal Jawab Mulut dalam Dewan ini dan diberitahu projek ini akan bermula dengan menukar rekabentuk kepada cerucuk asas. Sehingga kini, apa pun tidak dijalankan. Murid-murid bangsa Tamil terpaksa meminjam kantin dan bilik darjah sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan berdekatan. Adakah ini sikap sesebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah berlanjutan tiga hingga 4 tahun lamanya. Saya berharap Kerajaan dapat menjalankan projek ini tanpa apa-apa alasan lagi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna nanti akan dapat pergi mengisytiharkan pelancaran semula projek tersebut ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mencapai matlamat rakyat Malaysia memiliki sebuah rumah untuk didiami, Kerajaan patut mengambil langkah-langkah untuk menyekat harga rumah yang melambung tinggi. Antara sesuatu langkah ialah bagi menghadkan atau melarang orang-orang asing membeli tanah atau rumah kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Menteri Besar Negeri Johor, beliau berkata negeri Johor telah mencadangkan kepada Kerajaan Pusat untuk mengubah Akta Kanun Tanah supaya dapat menghadkan orang-orang asing membeli tanah dan rumah kediaman. Beliau menambah kata, Parlimen akan membincangkan perkara ini tidak lama lagi. Tetapi jawapan yang saya terima dalam Parlimen ini ialah Kerajaan tidak akan mengubah sikap ini. Pernyataan oleh Menteri Besar Johor ini dibuat pada 2hb Jun 1991, iaitu hanya lebih kurang 5 bulan dahulu. Adakah ini sekali lagi "Cakap tak serupa bikin?"

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, suka saya mendapat tahu sama ada benar Kerajaan telah memberi lesen kepada tiga syarikat Jepun untuk memiliki 200 buah lori untuk lesen pengangkutan di jalanraya negara kita ini? Saya harap dapat sedikit keterangan dari Kementerian yang berkenaan. Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kuala Langat.

6.24 ptg.

Datuk Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk sama-sama saya membahaskan usul Belanjawan 1992 yang merupakan Belanjawan sulung bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan, khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya yang telah berjaya membenteng satu Belanjawan yang positif dan dinamik. Rata-rata orang berpendapat Belanjawan kali ini menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan dalam mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta mengawal inflasi. Rata-rata juga mereka menyambut baik Belanjawan ini. Dalam masa yang sama, orang ramai merasa lega kerana Belanjawan ini tidak membebankan mana-mana pihak terutama golongan yang berpendapatan rendah.

Satu perkara yang saya rasa penting saya sebutkan di sini ialah Belanjawan ini telah dapat memulihkan kepercayaan orang ramai dan pelabur-pelabur terhadap kemampuan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri. Selama ini pelabur-pelabur, usahawan-usahawan dan juga orang ramai tidak yakin terhadap kemampuan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengendalikan kewangan negara, kononnya beliau tidak mempunyai latar belakang ekonomi yang kukuh. Barangkali mereka lupa bahawa Yang Berhormat Menteri kewangan adalah anggota Jemaah Menteri Kerajaan Barisan Nasional. Mereka juga mungkin lupa bahawa Kerajaan Barisan Nasional mempunyai pengalaman dan kemampuan untuk memerintah dan mentadbir negara. Di samping itu juga, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai pentadbir-pentadbir dan pegawai-pegawai yang cekap.

Tuan Yang di-Pertua, kemampuan Kerajaan menstabilkan ekonomi dan politik negara bukan sahaja meyakinkan pelabur dan rakyat negara ini, bahkan juga pelabur-pelabur asing. Kehadiran pelabur-pelabur asing telah banyak membantu negara, terutamanya dalam mengatasi masalah pengangguran sehingga di kawasan-kawasan tertentu seperti Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor Bahru, peluang-peluang pekerjaan telah mengatasi penawaran buruh sehingga negara ini menjadi tumpuan buruh-buruh asing sama ada datang secara halal ataupun tanpa izin. Ini membuktikan bahawa kemakmuran memang wujud di negara kita.

Dalam hubungan ini juga saya mengalu-alukan keputusan Kerajaan memberi kemudahan mendapatkan permit kerja kepada buruh-buruh asing yang memang telah berada dalam negara ini. Walau bagaimanapun, kehadiran pelabur-pelabur dan kebanjiran buruh asing serta kekurangan tenaga mahir harus mendapat perhatian berat dari Kerajaan, khususnya untuk menghadapi keperluan tenaga buruh di masa-masa akan datang.

Wawasan 2020 mungkin akan hanya tinggal impian jika masalah ini tidak dapat diselesaikan. Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia dan badan-badan berkanun seperti MARA harus mempunyai program-program teratur bagi melatih tenaga-tenaga mahir, separuh mahir, usahawan dan pengurusan bagi mengisi keperluan negara. Dalam hubungan ini, Kementerian-kementerian berkenaan harus diberi peruntukan yang mencukupi khususnya untuk memperbesar dan memperluaskan lagi institusi-institusi latihan yang sedia ada dan menambah bilangan pelajar-pelajar mengikuti kursus-kursus berkaitan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini negara mempunyai tenaga mahir di peringkat pengurusan yang memadai. Tenaga mahir di peringkat bawahan terlalu banyak seperti operators, tetapi kita amat kekurangan tenaga mahir di peringkat pertengahan. Oleh yang demikian, tumpuan yang lebih serius haruslah diberi ke arah itu. Dalam hubungan ini, ITM dan IKM mestilah diperbesarkan lagi dan diperbanyakkan lagi bidang kursusnya.

Usaha MARA mewujudkan Pusat Giat di setiap kawasan Parlimen memang sangat dialu-alukan, cuma jenis kursus yang mesti difikirkan. Kursus-kursus baru seperti kursus elektronik, plastik, kejuruteraan, mekanik radio/TV dan lain-lain mestilah diberi keutamaan.

Tuan yang di-Pertua, Wawasan 2020 bermatlamatkan menjadikan Malaysia sebuah negara maju, khususnya dalam

bidang perindustrian dan perkilangan. Dalam hal ini, sudah sampai masanya Kerajaan memikirkan masalah pekebun-pekebun kecil yang selama ini bergantung kepada hasil pertanian yang tidak economic.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta sambung esok ya, masa sudah cukup untuk hari ini.

Datuk Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.